

VOT 71788

**AN INVESTIGATION ON THE APPREHENSION LEVEL OF TESL STUDENTS
IN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA: PRE AND POST EXPERIENCES**

**(TINJAUAN TAHAP KEBIMBANGAN DI KALANGAN GURU PELATIH TESL
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA: PENGALAMAN PRE DAN POST)**

**AZIZAH RAJAB
NORHANIM ABDUL SAMAT
WAN ZARINA WAN ZAKARIA**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2006

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t yang maha pengasih lagi penyayang dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izinNya penyelidikan ini telah dapat disempurnakan dengan jayanya.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan ikhlas dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak RMC kerana telah menyokong penyelidikan ini sepenuhnya.

Kerjasama daripada kumpulan guru pelatih TESL tahun 2000/2001 dan 2001/2002 kerana telah meluangkan masa menyokong segala usaha penyelidik di dalam membuat kajian ini amatlah dihargai. Semuga segala sumbangan mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah s.w.t.

Penghargaan juga diberikan kepada sesiapa yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu dalam projek penyelidikan ini. Tanpa kerjasama dan sokongan mereka, penyelidikan ini tidak akan menjadi kenyataan.

‘Sekalung budi buat mereka’

**Terima Kasih dan Wassalam
Daripada Penyelidik.**

ABSTRAK

Kajian dilakukan terhadap 56 guru pelatih Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan TESL, di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap kebimbangan dan faktor-faktor yang berkaitan dengan kebimbangan guru pelatih TESL sebelum menjalani latihan praktik di sekolah di sekitar Johor. Kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk melihat samada terdapat perubahan pada tahap kebimbangan guru pelatih TESL setelah diberi pendedahan mengikut jangka masa yang diberi. Faktor-faktor kebimbangan yang diberi penekanan merangkumi factor pengurusan kelas, persediaan mengajar, kemahiran mengajar, kemahiran bahasa, persekitaran sekolah/staf dan konsep sendiri guru pelatih ketika menjalani latihan praktik. Maklumat kajian diperolehi melalui soal selidik “*Student-Teacher Anxiety Scale*” yang telah diadaptasi daripada Hart (1987) yang mengandungi 50 item untuk memenuhi matlamat dan objektif kajian. Intrumen kajian ini menggunakan skala lima mata berdasarkan kepada skala terendah “Sangat setuju” kepada skala tertinggi “Sangat tidak setuju”. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 10.0 Windows dan melibatkan penggunaan peratusan, statistic deskriptif yang melibatkan penghitungan min dan kekerapan, analisis ujian-t dan analisis korelasi. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kebimbangan guru pelatih TESL mengikut faktor-faktor pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa, persekitaran sekolah/staf dan konsep sendiri berada pada tahap tinggi dan sederhana tinggi. Keputusan kajian menunjukkan guru pelatih TESL tetap menghadapi kebimbangan pada tahap tinggi walaupun setelah diberi pendedahan sewajarnya sebelum atau selepas latihan praktik mereka.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN

ii

ABSTRAK	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL HIPOTESIS	vii xii

BAB I

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Matlamat Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Persoalan Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Batasan Kajian	12
1.10	Definisi dan Konsep	13
	Kebimbangan	
	Faktor Kebimbangan	
	Guru Pelatih	
	Pengurusan Kelas	
	Persediaan Mengajar	
	Kepakaran Mengajar	
	Kepakaran Bahasa	
	Persekitaran Sekolah Atau Staf	
	Konsep Kendiri	

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Latihan Praktik	18
2.2.1	Takrif Kebimbangan	19
2.2.2	Memahami Ketegangan	20
2.2.3	Penilaian Pengajaran	21
2.2.4	Kecekapan Mengajar	21
2.2.5	Kesediaan Mengajar	22
2.2.6	Pengurusan Bilik Darjah	23
2.2.7	Kepakaran Bahasa	24
2.2.8	Iklm Sekolah	25

2.3	Penyelidikan yang berkaitan dengan kajian ini	26
2.3.1	Disiplin di dalam Pengurusan Kelas	27
2.3.2	Penyesuaian	28
2.3.3	Sifat-Sifat Peribadi	29
2.3.4	Kaedah Pengajaran dan Strategi	29
2.3.5	Pelajar Yang Mempunyai Keperluan Istimewa	30

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

		32
3.1	Pengenalan	32
3.2	Rekabentuk Kajian	33
3.3	Sampel Kajian	33
3.4	Kaedah Persampelan	34
3.5	Instrumen Kajian	35
3.5.1	Kebolehpercayaan instrumen kajian	35
3.5.2	Permarkatan Manual	37
3.6	Analisis Data	38
3.6.1	Hipotesis 1 hingga Hipotesis 8	

BAB IV

ANALISIS DATA

		40
4.1	Pendahuluan	40
4.2	Latar Belakang Responden	
4.3	Kebimbangan Guru Pelatih Ketika Mengajar Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	51
4.4	Kebimbangan Guru Pelatih Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	58
4.5	Kebimbangan Guru Pelatih Mengikut Pengalaman Bekerja	68
4.6	Kebimbangan Guru Pelatih Mengikut Gred diperolehi Untuk Matapelajaran <i>Structure of English</i>	75
4.7	Kebimbangan Guru Pelatih Mengikut Gred diperolehi Untuk Matapelajaran <i>Effective Writing</i>	83
4.8	Kebimbangan Guru Pelatih Mengikut Gred diperolehi Untuk Matapelajaran <i>Oral Communication</i>	91

BAB V

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	106
5.2	Bahagian Pertama	106
5.2.1	Perbincangan Berhubung Dengan Analisis Diskriptif Subjek	106
5.2.2	Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris Dalam SPM	107
5.2.3	Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	108
5.2.4	Mengikut Pengalaman Bekerja	110
5.2.5	Mengikut Gred Diperolehi Dalam Subjek <i>Structure of English</i>	112
5.2.6	Mengikut Gred Di Perolehi Dalam Subjek <i>Effective Writing</i>	114
5.2.7	Mengikut Gred Diperolehi Dalam Subjek <i>Oral Communication</i>	116
5.3	Bahagian Kedua	116
5.3.1	Perbincangan	117
5.4	Bahagian Ketiga	130
5.4.1	Perbincangan Berhubung Dengan Analisis Hubungan Antara Faktor-Faktor Kebimbangan Latihan Praktik	130
5.5	Cadangan	131
5.5.1	Cadangan Kepada Pihak Pengurusan Untuk Meningkatkan Program	132
5.5.2	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	134

5.6	Implikasi Kajian	135
5.7	Penutup	137
	Rujukan	139
	Lampiran I	144
	Lampiran A-Soal Selidik	

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Muka surat
3.1	Jumlah Item-item Bagi Setiap Sub Skala	36
3.2	Pemarkatan Skor Bagi Setiap Sub Skala	37
4.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	40
4.2	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	41
4.3	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	41
4.4	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja	42
4.5	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Gred Diperolehi Untuk Matapelajaran <i>Structure of English</i>	42
4.6	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Gred	

	Diperolehi Untuk Matapelajaran <i>Effective Writing</i>	43
4.7	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Gred Diperolehi Untuk Matapelajaran <i>Oral Communication</i>	44
4.8	Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item	
	Di Faktor Kebimbangan Pengurusan Kelas	45
4.9	Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item	
	Di Faktor Kebimbangan Persediaan Mengajar	46
4.10	Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item	
	Di Faktor Kebimbangan Kepakaran Mengajar	47
4.11	Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item	
	Di Faktor Kebimbangan Kepakaran Bahasa	48
4.12	Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item	
	Di Faktor Kebimbangan/Persekitaran Sekolah / Staf	49
4.13	Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item	
	Di Faktor Kebimbangan Konsep Kendiri	50
4.14	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Pengurusan Kelas Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	51
4.15	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persediaan Mengajar Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	52

4.16	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Mengajar Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	53
4.17	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	54
4.18	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persekitaran Sekolah/ Staf Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	55
4.19	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Konsep Kendiri Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	56
4.20	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Latihan Praktik Secara Keseluruhan Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	57
4.21	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Pengurusan Kelas Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	58
4.22	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persediaan Mengajar Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	59
4.23	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Mengajar Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	61
4.24	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	62
4.25	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persekitaran Sekolah/ Staf Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	64
4.26	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Konsep Kendiri Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	65
4.27	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Latihan Praktik Secara Keseluruhan Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah	67
4.28	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Pengurusan Kelas Mengikut Pengalaman Bekerja	68
4.29	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persediaan Mengajar Mengikut Pengalaman Bekerja	69
4.30	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Mengajar Mengikut Pengalaman Bekerja	

4.31	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa Mengikuti Pengalaman Bekerja	71
4.32	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persekitaran Sekolah/ Staf Mengikuti Pengalaman Bekerja	72
4.33	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Konsep Kendiri Mengikuti Pengalaman Bekerja	73
4.34	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Latihan Praktik Secara Keseluruhan Mengikuti Pengalaman Bekerja	74
4.35	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Pengurusan Kelas Mengikuti Gred Diperolehi Dalam Subjek <i>Structure Of English</i>	75
4.36	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persediaan Mengajar Mengikuti Gred Diperolehi Dalam Subjek <i>Structure Of English</i>	76
4.37	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Mengajar Mengikuti Gred Diperolehi Dalam Subjek <i>Structure Of English</i>	77
4.38	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa Mengikuti Gred Diperolehi Dalam Subjek <i>Structure Of English</i>	78
4.39	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persekitaran Sekolah / Staf Mengikuti Gred Diperolehi Dalam Subjek <i>Structure Of English</i>	79
4.40	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Konsep Kendiri Mengikuti Gred Diperolehi Dalam Subjek <i>Structure Of English</i>	80
4.41	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Latihan Praktik Secara Keseluruhan Mengikuti Gred Diperolehi Dalam Subjek <i>Structure Of English</i>	82

- 4.42 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Pengurusan Kelas
Mengikut **Gred Diperolehi Dalam Subjek** *Effective Writing* 83
- 4.43 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persediaan Mengajar
Mengikut **Gred Diperolehi Dalam Subjek** *Effective Writing* 84
- 4.44 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran
Mengajar Mengikut **Gred Diperolehi Dalam Subjek** *Effective Writing*
85
- 4.45 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa
Mengikut **Gred Diperolehi Dalam Subjek** *Effective Writing* 86
- 4.46 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persekitaran
Sekolah/
Staf Mengikut **Gred Diperolehi Dalam Subjek** *Effective Writing* 87
- 4.47 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Konsep Kendiri
Mengikut **Gred Diperolehi Dalam Subjek** *Effective Writing* 88
- 4.48 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Latihan Praktik
Secara Keseluruhan Mengikut **Gred Diperolehi Dalam Subjek**
Effective Writing 90
- 4.49 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Pengurusan Kelas
Mengikut Gred Diperolehi Dalam *Oral Communication*
91
- 4.50 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persediaan Mengajar
Mengikut **Gred Diperolehi Dalam** *Oral Communication*
92
- 4.51 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran
Mengajar Mengikut **Gred Diperolehi Dalam** *Oral Communication*
93
- 4.52 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa
Mengikut **Gred Diperolehi Dalam** *Oral Communication*
94
- 4.53 Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persekitaran
Sekolah/

	Staf Mengikuti Gred Diperolehi Dalam <i>Oral Communication</i>	
		95
4.54	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Konsep Kendiri Mengikuti Gred Diperolehi Dalam <i>Oral Communication</i>	
		96
4.55	Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Latihan Praktik Secara Keseluruhan Mengikuti Gred Diperolehi Dalam <i>Oral Communication</i>	98
4.56	Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Pelajar Terhadap Kebimbangan Pengurusan Kelas (Sebelum - 2000 Dan Selepas - 2002)	
		99
4.57	Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Pelajar Terhadap Kebimbangan Persediaan Mengajar (Sebelum - 2000 Dan Selepas - 2002)	99
4.58	Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Pelajar Terhadap Kebimbangan Kepakaran Mengajar (Sebelum - 2000 Dan Selepas - 2002)	100
4.59	Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Pelajar Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa (Sebelum - 2000 Dan Selepas - 2002)	
		101
4.60	Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Pelajar Terhadap Kebimbangan Persekitaran Sekolah / Staf (Sebelum - 2000 Dan Selepas - 2002)	102
4.61	Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Pelajar Terhadap Kebimbangan Konsep Kendiri (Sebelum - 2000 Dan Selepas - 2002)	102
4.62	Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Pelajar Terhadap Kebimbangan Latihan Praktik Secara Keseluruhan (Sebelum-2000 Dan Selepas-2002)	103
4.63	Analisis Hubungan Korelasi Faktor-Faktor Kebimbangan	104

HIPOTESIS

No. Hipotesis	Tajuk	Muka surat
---------------	-------	------------

Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan pengurusan kelas sebelum 2000 dan selepas 2002	99
Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persediaan mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002	99
Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002	100
Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran bahasa sebelum 2000 dan selepas 2002	101
Hipotesis 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persekitaran sekolah / staf sebelum 2000 dan selepas 2002	101
Hipotesis 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan konsep sendiri sebelum 2000 dan selepas 2002	102
Hipotesis 7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan latihan praktik secara keseluruhan sebelum 2000 dan selepas 2002	103

Hipotesis 8: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor-faktor di bawah kebimbangan

103

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan dan perubahan pendidikan di Malaysia telah berlaku sebaik sahaja tamatnya Perang Dunia Kedua. Reformasi pendidikan telah bermula apabila terbentuknya Penyata Razak pada tahun 1956 dan diikuti oleh Penyata Rahman Talib pada tahun 1960. Reformasi pendidikan telah bermula dengan lebih dinamik di penghujung tahun 1970an, sebaik sahaja Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979 dikeluarkan. Kesan daripada reformasi ini maka terbentuknya Falsafah Pendidikan Negara.

Dengan wujudnya reformasi pendidikan, maka terbentuklah Falsafah Pendidikan Guru. Falsafah Pendidikan Guru berhasrat melahirkan guru yang berbudi pekerti mulia, berpandangan progresif, menjunjung aspirasi Negara dan menyanjung warisan kebudayaan Negara.

Pada tahun 1878, program latihan untuk melahirkan guru sekolah Melayu yang terlatih telah bermula apabila Kolej Melayu pertama telah dibangunkan di Singapura.

Namun, kolej Melayu itu telah ditutup pada tahun 1895. Tindakan susulan telah diambil dari penutupan ini di mana kolej perguruan telah dibangunkan di Melaka pada tahun 1900. Pada masa yang sama kolej perguruan telah dibuka di Taiping, tetapi cuma beroperasi selama 2 tahun. Pada tahun 1913 pula, sebuah lagi kolej perguruan telah

dibangunkan di Matang, Perak. Selain itu, Kolej Perguruan Melayu khusus untuk melahirkan guru Melayu yang terlatih telah didirikan di Johor. Kemudian, pada tahun 1922, kolej perguruan di Melaka dan Matang telah digabungkan dan dibentuk menjadi Kolej Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak. Namun begitu, kolej perguruan terawal yang dibangunkan ini hanyalah untuk melahirkan guru Melayu lelaki sahaja (Awang Had Salleh, 1979).

Oleh itu, pada 1935, iaitu selepas 57 tahun kewujudan kolej perguruan untuk melatih guru lelaki Melayu, sebuah kolej perguruan untuk guru pelatih wanita Melayu dibangunkan di Melaka. Ini adalah untuk memastikan guru pelatih wanita Melayu juga diberi peluang untuk memajukan diri dan berdaya saing dengan guru Melayu lelaki sekaligus memberi peluang kepada wanita untuk lebih maju dibidang pendidikan negara.

Apabila negara Barat meninggalkan tanah jajahan masing-masing, mereka hanya berangkat secara fizikal sahaja. Legasinya masih lagi terpampang di banyak segi di seluruh negara bekas tanah jajahan mereka dan bidang yang paling nyata sekali ialah pendidikan. Negara bekas tanah jajahan ini pula bertindak, dengan cara tersendiri untuk mengikis saki-baki peninggalan penjajah. Dalam bidang pendidikan, salah satu cara paling berkesan ialah menulis semula semua buku yang digunakan di sekolah (Ibrahim Saad, 1981).

Jika dilihat dari segi konsep nasional tujuan utama pendidikan adalah untuk membentuk perpaduan. Dalam proses menuju ke arah matlamat ini, dasar pendidikan dibentuk untuk

menggalakkan pertumbuhan nilai sosial dan taat setia semua kaum terhadap negara. Ini bermakna kesemua rakyat perlu meninggalkan ikatan asal mereka, dan mengikut cara hidup, budaya serta bahasa tempat mereka bermastautin. Ini bermakna sistem pendidikan dan sekolah patut di susun semula (Ibrahim Saad, 1981).

Merujuk kepada dunia pendidikan dan sejarah sistem perguruan negara, tanggungjawab yang paling berat dalam sistem pendidikan sememangnya terletak di bahu guru untuk melahirkan pelajar yang dinamik dan terbaik. Di sekolah, guru bertanggungjawab untuk membimbing pelajar. Bimbingan yang dibuat di sekolah mempunyai tujuan yang tertentu dan ianya perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh guru. Menurut Suradi Salim (1996), tujuan bimbingan yang utama adalah untuk memahami pelajar, iaitu untuk mengetahui apakah masalah pelajar, membantu mereka memahami diri mereka, membentuk falsafah hidup dan mencapai cita-cita yang diimpikan. Selain itu, bimbingan di sekolah juga adalah bertujuan untuk membantu pelajar membahagikan tenaga dengan bijak mengikut saluran pendidikan yang ada supaya wujud penyesuaian terbaik antara akademik dan keperluan pelajar bagi memenuhi tanggungjawab sekolah kepada masyarakat.

Dengan perkembangan dunia pendidikan yang semakin mencabar, dan permintaan untuk melahirkan lebih ramai graduan dalam bidang pendidikan yang semakin meningkat, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga telah bertanggungjawab untuk memenuhi permintaan dalam bidang pendidikan ini. Kursus TESL (Teaching English as a Second Language) telah ditawarkan kepada pelajar lepasan SPM (Sijil

Pelajaran Malaysia) dan STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) yang cemerlang untuk melahirkan kumpulan pendidik yang berdaya saing dan inovatif. Guru pelatih (TESL) di UTM ini didedahkan dengan pelbagai ilmu teori perguruan dan amali pengajaran yang di fikirkan berguna dan terbaik untuk membantu pelatih menjadi guru yang berketerampilan. Disamping itu, teori dan latihan amali yang di dedahkan di harap dapat di manfaatkan sepenuhnya oleh guru pelatih terutama ketika menjalani latihan praktik di sekolah.

Namun di percayai masih terdapat banyak kelemahan di kalangan guru pelatih semasa menghadapi latihan praktik berdasarkan laporan penyelidikan terhadap guru pelatih TESL sebelum menjalani latihan praktik mereka di mana didapati tahap kebimbangan mereka terhadap pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa, persekitaran sekolah atau staf dan konsep sendiri mereka berada pada tahap tinggi (Wan Zarina Wan Zakaria et.al, 2002). Oleh itu, satu kajian penilaian terhadap keberkesanan latihan praktik ini telah dijalankan terhadap guru pelatih TESL Kemasukan 1998/1999 untuk mengesan kelemahan dan kekuatan kurikulum TESL yang di tawarkan oleh Fakulti Pendidikan (FP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tumpuan kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana tahap kebimbangan guru pelatih TES sebelum mereka menghadapi latihan praktik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Program pendidikan Sarjana Muda TESL, di Universiti Teknologi Malaysia, sejak perlaksanaannya pada tahun 1997, setakat ini telah melahirkan graduan yang berilmu dan

bersahsiah tinggi. Selain pendedahan di segi falsafah dan teori pendidikan, guru pelatih TESL ini diberi latihan kemahiran penggunaan bahasa yang secukupnya supaya mereka mampu berkomunikasi bukan sekadar baik, tetapi dengan cemerlangnya apabila mula berkhidmat di sekolah nanti. Di antara tumpuan utama yang ditekankan dalam pendidikan Sarjana Muda TESL ini adalah penguasaan bahasa, kemahiran mengajar, pengurusan kelas, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, dan komunikasi berkesan. Selain daripada teori di bilik kuliah, latihan amali juga ditekankan. Sebagai contoh, pengajaran Mikro I dan II yang wajib diikuti oleh guru pelatih TESL selama 2 semester, menekankan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Pendedahan seperti ini sepatutnya dapat mengatasi masalah keresahan dan kebimbangan guru pelatih sewaktu menghadapi latihan praktik sebenar. Walau bagaimanapun, samada guru pelatih tersebut dapat mempraktikkan segala teknik pengajaran yang dipelajari dalam situasi sebenar atau tidak, hanya dapat diukur semasa mereka menjalani latihan praktik di sekolah.

Menurut Conant, 1963; Locke, 1979; Ocansey, 1988, Paese, 1984; Zeichner, 1980, yang paling penting dalam program pendidikan guru adalah program latihan praktik. Latihan praktik merupakan satu latihan perguruan yang penting kerana ia merupakan satu peluang bagi guru pelatih yang terbabit untuk mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari. Ia merupakan elemen penting dalam program latihan perguruan kerana melalui latihan ini, guru pelatih biasanya akan mempraktikkan pengajaran yang telah didedahkan kepada mereka sepanjang tempoh pembelajaran di universiti. Menurut Abd Raof dan T.Subahan (1991), empat faktor penting yang perlu ada pada diri guru pelatih dalam menjalani

latihan praktik ialah asas pendidikan, penguasaan isi pelajaran akademik, penggunaan prinsip pedagogi dan sahsiah diri.

Walaupun program latihan praktik memberi guru pelatih TESL ini peluang untuk menimba seberapa banyak pengetahuan mengenai ilmu pendidikan serta mempraktikkan bidang teoretikal yang telah dipelajari, hakikatnya, ia membangkitkan satu sumber kebimbangan terhadap ramai guru pelatih. Ini kerana, masih terdapat beberapa kekurangan di kalangan guru pelatih TESL ini ketika mereka menjalani latihan praktik yang boleh dikaitkan dengan berbagai faktor. Selain daripada faktor fizikal, seperti faktor kewangan, pengangkutan dan tempat tinggal, faktor emosi juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian guru pelatih ketika menjalani latihan praktik. Faktor emosi yang ingin difokuskan dalam tinjauan ini adalah faktor kebimbangan di kalangan guru pelatih. Ada di kalangan guru pelatih yang didapati masih bersifat resah dan aprehensi ketika berkomunikasi dengan guru pembimbing mahupun dengan pelajar mereka kerana kurang kemahiran untuk berbahasa Inggeris.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Scovel (1991), kebimbangan yang tinggi dan melampau (*extreme anxiety*) terhadap kemahiran bahasa sememangnya akan menyebabkan pelaksanaan tugas yang rendah. McCroskey (1977), pula mendefinisikan kebimbangan komunikasi sebagai perasaan resah dan risau yang dikaitkan dengan komunikasi sebenar atau komunikasi yang diantisipasi dengan individu lain. Kajian menunjukkan bahawa bercakap dalam bahasa asing di hadapan pelajar ada masanya akan menyebabkan kebimbangan yang sangat tinggi kerana penutur bahasa itu berasa kurang yakin terhadap kemampuannya menggunakan bahasa tersebut. Kebimbangan akan

kemahiran menggunakan bahasa dilihat sebagai satu ancaman yang boleh membawa kepada konsep sendiri yang negatif atau rendah. Keadaan guru pelatih tersebut akan menjadi lebih traumatik jika dia berdepan dengan pelajar yang lebih cekap dan mahir dalam bahasa tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Guru pelatih (TESL) di UTM diwajibkan untuk menjalani latihan praktik sebanyak dua kali iaitu pada Tahun 3 pengajian selama 6 minggu dan Tahun 4 juga selama 6 minggu. Latihan praktik merupakan pendedahan terbaik kepada guru pelatih kepada situasi mengajar yang sebenar di sekolah. Dalam tempoh latihan praktik itu, pelbagai masalah, kelemahan dan kerumitan yang timbul seharusnya akan dapat dilihat dengan jelas.

Guru pelatih sepatutnya mempunyai tahap kebimbangan latihan praktik yang rendah supaya mereka dapat melaksanakan tugas mengajar dengan baik terutama apabila telah diberi pendedahan yang diperlukan. Namun, jika dilihat daripada pemerhatian yang dibuat semasa pengajaran Mikro I dan II di UTM, dimana pelatih dikehendaki menjalani persediaan mengajar seperti di sekolah selama dua semester untuk setiap pengajaran mikro (satu semester merangkumi 16 minggu masa kuliah), didapati bahawa kebimbangan guru pelatih adalah tinggi terutamanya berkaitan dengan kebimbangan pengurusan kelas, persediaan mengajar, kemahiran mengajar, kepakaran bahasa dan tahap keyakinan diri.

Jika tahap kebimbangan guru pelatih adalah tinggi, maka pastinya ia akan menjejaskan prestasi latihan praktik mereka dan turut memberi kesan kepada pelajar sekolah yang diamanahkan untuk dibimbing dan diajar oleh mereka. Oleh yang demikian, tujuan utama latihan praktik di jalankan ialah supaya guru pelatih dapat menilai kelemahan diri dan cuba untuk mengatasi masalah kebimbangan yang dialami, jika ada.

Kebimbangan yang mungkin dihadapi oleh mereka merangkumi beberapa aspek dan akan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu kebimbangan terhadap pengurusan kelas, kebimbangan terhadap persediaan mengajar, kebimbangan terhadap kemahiran mengajar, kebimbangan terhadap kemahiran bahasa Inggeris itu sendiri, kebimbangan untuk menyesuaikan diri dengan suasana sekolah dan kebimbangan terhadap keupayaan diri.

Tahap kebimbangan yang dialami oleh guru pelatih ini jika tidak segera diatasi, pasti akan membawa kesan negatif kepada kualiti pengajaran guru pelatih dan sekaligus akan memberikan reputasi buruk kepada diri mereka dan UTM di kalangan kakitangan sekolah. Selain itu, kesan negatif juga akan timbul kepada pelajar sekolah yang diajar dan mungkin menjejaskan keputusan peperiksaan pelajar sekolah tersebut kelak.

1.4 Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji samada terdapat kebimbangan di kalangan kumpulan kedua (second batch) guru pelatih TESL, di Fakulti Pendidikan, UTM sebelum menjalani latihan praktik kali pertama. Kajian ini juga bertujuan untuk mencari faktor utama yang menjadi punca kebimbangan dikalangan guru pelatih ini sewaktu mereka menjalani

latihan praktik di sekolah. Kajian ini adalah kajian lanjutan yang dilakukan terhadap tahap kebimbangan guru pelatih TESL kumpulan pertama (first batch), UTM, maka matlamat kajian seterusnya adalah untuk mengkaji apakah tahap kebimbangan yang ada dalam diri guru pelatih TESL kumpulan kedua pula sebelum menjalani latihan praktik kali pertama. Selepas kajian kumpulan pertama dijalankan, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pengkaji kepada pengurusan Fakulti Pendidikan dan juga pengubal kurikulum TESL. Dari itu, kajian ini bertujuan untuk melihat samada pembaharuan yang mungkin telah dilaksanakan oleh pihak UTM mengikut dapatan laporan penyelidikan pertama (Wan Zarina et.al 2002), kepada kumpulan kedua ini memberi kesan positif terhadap kebimbangan mereka sebelum menjalani latihan praktik di sekolah.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian secara terperinci adalah untuk:

- 1.5.1. Mengenal pasti tahap kebimbangan guru pelatih TESL kumpulan kedua di UTM sebelum menjalani latihan praktik di sekolah.
- 1.5.2. Mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan kebimbangan guru pelatih TESL kumpulan kedua di UTM sebelum menjalani latihan praktik?
- 1.5.3. Mengenal pasti perbezaan tahap kebimbangan guru pelatih kumpulan pertama dengan kumpulan kedua TESL di UTM sebelum menjalani latihan praktik kali pertama di sekolah.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan kajian berikut:

1. Adakah guru pelatih TESL kumpulan kedua di UTM mengalami kebimbangan sebelum menjalani latihan praktik di sekolah?
2. Apakah faktor-faktor yang berkaitan dengan kebimbangan guru pelatih kumpulan kedua TESL di UTM sebelum menjalani latihan praktik?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kebimbangan guru pelatih TESL kumpulan pertama di UTM sebelum menjalani latihan praktik kali pertama dengan sebelum latihan praktik kali kedua di sekolah?

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini diharapkan memberi sedikit sebanyak sumbangan dan informasi yang bermanfaat kepada organisasi kajian, Fakulti Pendidikan khususnya, penggubal kurikulum TESL dan perkembangan ilmu akademik guru pelatih.

Pada pihak pengurusan Fakulti Pendidikan, dapatan kajian ini diharap boleh dijadikan panduan yang berguna dalam usaha mempertingkatkan tahap kualiti guru pelatih apabila menghadapi latihan praktik di sekolah. Hasil kajian juga diharap dapat membantu mereka dalam membuat penilaian dan perancangan supaya dapat menilai dan meningkatkan mutu latihan Mikro I dan II sebelum guru pelatih menjalani latihan praktik. Keputusan kajian ini juga diharap dapat membantu pihak pengurusan Fakulti

Pendidikan untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah kebimbangan dikalangan guru pelatih tersebut sewaktu menjalani latihan praktik. Kajian ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak pengurusan Fakulti Pendidikan dan mereka yang terlibat dalam program TESL untuk merancang program-program khusus demi memantapkan silibus pengajaran TESL bagi melahirkan guru yang mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi. Oleh yang demikian, rasa bimbang yang mungkin menyelubungi guru pelatih apabila berdepan dengan realiti sistem pendidikan di sekolah dan latihan praktik yang sebenar, perlu diatasi dengan segera jika didapati tahap kebimbangan guru pelatih selepas kajian ini dijalankan adalah di tahap tinggi.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Sampel yang terlibat di dalam kajian ini merupakan 56 pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan TESL kumpulan kedua yang akan menjalani latihan praktik mereka buat kali pertama di sekolah sekitar Johor pada Mei 2001 dan juga 19 pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan TESL kumpulan pertama yang telah menjalani latihan praktik pertama selama 6 minggu pada April 2000 dan latihan praktik kedua pada Mei 2001. Kajian ini ditumpukan kepada aspek kebimbangan yang mungkin dihadapi oleh guru pelatih semasa menjalani latihan praktik tersebut. Aspek ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu kebimbangan terhadap pengurusan kelas, kebimbangan terhadap persediaan mengajar, kebimbangan terhadap kemahiran mengajar, kebimbangan terhadap kemahiran bahasa Inggeris itu sendiri, kebimbangan untuk menyesuaikan diri dengan suasana sekolah dan kebimbangan terhadap keupayaan diri.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara berikut:

1. Hanya guru pelatih TESL kumpulan kedua (Second Batch) yang menuntut di Fakulti Pendidikan, UTM mengambil bahagian di dalam kajian ini. Pelajar TESL selain dari kumpulan ini dan kumpulan pendidikan yang mengambil opsyen selain TESL tidak termasuk di dalam kajian ini.
2. Kajian hanya melibatkan guru pelatih kumpulan kedua (TESL) dari itu keputusan kajian adalah berpandukan kepada keputusan soal selidik yang diedarkan. Ketepatan dan kesahihan hasil kajian ini bergantung sepenuhnya kepada kejujuran responden dalam menjawab soalselidik yang dikemukakan.
3. Ujian t-test untuk menentukan tahap perbezaan signifikan hanya dijalankan terhadap kumpulan pertama guru pelatih TESL. Dari itu dapatan kajian tidak meliputi kumpulan yang lain.
4. Pengkaji hanya memberi penekanan kepada beberapa aspek kebimbangan dalam mengkaji tahap kebimbangan di kalangan guru pelatih TESL. Aspek tersebut hanya merangkumi kebimbangan terhadap pengurusan kelas, kebimbangan terhadap persediaan mengajar, kebimbangan terhadap kemahiran mengajar, kebimbangan terhadap kemahiran bahasa Inggeris, kebimbangan untuk menyesuaikan diri dengan suasana sekolah dan kebimbangan terhadap keupayaan diri. Oleh yang demikian, faktor lain yang cenderung mempengaruhi proses tahap kebimbangan tidak akan di ambil kira dan tidak dapat dijangkakan oleh pengkaji.

1.10 Definisi dan Konsep

Berikut adalah definisi operasional dan huraian konsep bagi istilah-istilah yang terdapat dalam kajian ini:-

Kebimbangan

Kebimbangan (anxiety) didefinisikan sebagai satu perasaan di mana seseorang itu dibayangi oleh rasa takut dan kluatir disebabkan oleh sesuatu perkara atau objek (Hilgard, Atkinson & Atkinson, 1971). Thompson (1983) pula memberi definisi keseimbangan sebagai perasaan yang merangkumi unsur-unsur takut, kluatir yang dikaitkan dengan hal-hal lain di masa yang akan datang.

Faktor keseimbangan

Perkara-perkara yang menimbulkan rasa bimbang dan tidak senang dikalangan guru pelatih apabila menjalani latihan praktik. Antara yang dikaji adalah pengurusan kelas, persediaan mengajar, kemahiran mengajar, kemahiran bahasa Inggeris, persekitaran sekolah termasuk staf, dan konsep keyakinan diri.

Guru Pelatih

Guru pelatih adalah terdiri daripada mereka yang dipilih dan didaftarkan untuk mengikuti kursus TESL di Fakulti Pendidikan, UTM. Kelayakan minimum untuk mengikuti kursus TESL di UTM adalah Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.

Pengurusan Kelas

Pengurusan kelas adalah berkaitan dengan teknik dan cara guru pelatih mengawal dan memberi perhatian kepada pelajar di dalam kelas. Ia melibatkan kemampuan guru pelatih untuk mengawal pelbagai kerenah pelajar termasuk pelajar yang tidak mendengar kata, pelajar yang suka membuat bising, pelajar yang tidak bermotivasi dan pelajar yang berkelakuan buruk. Guru pelatih juga perlu kreatif untuk memenuhi kehendak pelajar yang berbeza-beza dan mengekalkan tahap pengawalan kelas yang bersesuaian.

Persediaan Mengajar

Penyusunan topik-topik pengajaran yang dibuat oleh guru pelatih sebelum mereka memulakan pengajaran sesuatu topik, termasuk menyemak pelajaran yang bersesuaian, memilih bahan mengajar yang betul dan mengekalkan standard mengajar terbaik.

Kepakaran Mengajar

Kepakaran mengajar adalah melibatkan penilaian oleh penyelia dan juga guru pembimbing terhadap prestasi latihan praktik yang ditunjukkan oleh guru pelatih. Ia juga melibatkan kepakaran guru pelatih untuk menyiapkan tugas yang diberikan samada tepat pada masa yang ditetapkan dengan menggunakan pendekatan yang menarik dan rapi. Guru pelatih juga perlu memastikan penyelia latihan praktik berpuashati dan menghormati kebolehan mereka.

Kepakaran Bahasa

Kepakaran bahasa adalah melibatkan kemampuan guru pelatih untuk bercakap dengan lancar dalam bahasa yang diajarkan, kebolehan menjawab soalan yang dikemukakan oleh pelajar dan membuat kesilapan tatabahasa yang paling minimum. Ini adalah untuk menguji sejauhmana tahap keyakinan guru pelatih untuk mengajar Bahasa Inggeris dan sejauhmana pelajar dapat mengesan kesilapan guru sewaktu mengajar.

Persekitaran Sekolah Atau Staf

Persekitaran sekolah atau staf melibatkan kebolehan guru pelatih untuk bekerjasama dan bercampur gaul dengan staf sekolah. Ia juga melibatkan cara guru pelatih membahagikan masa untuk melakukan tanggungjawab lain di sekolah iaitu selain daripada mengajar dan sejauhmana penglibatan mereka dalam organisasi sekolah.

Konsep Kendiri

Ia adalah berkaitan dengan keupayaan guru pelatih untuk mengekalkan keyakinan diri supaya sentiasa berada di bawah tekanan. Ia juga melibatkan penilaian yang dibuat oleh penyelia terhadap diri guru pelatih tersebut dan juga kritikan yang dibuat oleh pelajar terhadap mereka.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kini ramai orang melihat pelajaran sebagai pendekatan yang penting untuk pembangunan negara. Persediaan guru-guru baru dan pembangunan keprofesionalan yang sedang dijalankan terhadap guru yang sedang berkhidmat dilihat sebagai kunci kepada peningkatan pendidikan (Cobb, Darling-Hammond & Murangi, 1995). Pada masa kini, permintaan terhadap guru yang berkualiti adalah tinggi di seluruh dunia dan ianya adalah matlamat bagi setiap program pendidikan guru untuk melahirkan guru yang berkualiti. Cobb et. al (1995), menjelaskan guru yang berkualiti mempunyai sifat-sifat antara lain seperti : “ berpengetahuan sebagai ahli pendidikan dalam bidang berkaitan termasuk ilmu, kemahiran dan sikap-sikap yang diperlukan untuk pengajaran berkesan, pemahaman yang tinggi terhadap pertumbuhan manusia dan pembesaran kanak-kanak, kemahiran komunikasi yang berkesan, mempunyai etika kerja yang baik dan bersedia untuk menerima perkara-perkara semasa yang baru”. Bagi setiap institusi pengajaran tinggi termasuk Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, menyediakan guru-guru untuk mengajar di dalam sistem sekolah yang sedia ada merupakan satu cabaran yang sangat mencabar.

Banyak pihak telah bersetuju secara sebulat suara bahawa peringkat yang paling penting dalam program pendidikan guru adalah aktiviti latihan praktik (Conant, 1963; Locke,

1979; Ocansey, 1988, Paese, 1984; Zeichner, 1980). Conant (1963), memberi definisi latihan praktik sebagai satu elemen yang amat diperlukan di dalam pendidikan profesional. Kepentingan aktiviti latihan praktik ini seterusnya telah disokong oleh Carnegie Task Force (1986) dan The Holmes Group (1986) yang melihat aktiviti ini sebagai langkah yang paling efektif dalam penyediaan guru pelatih.

Namun begitu, meskipun latihan praktik adalah penting, terdapat banyak kebimbangan dilaporkan oleh guru pelatih berkaitan dengan latihan praktik mereka. Fuller (1969) menggunakan Model Tiga Aras bagi menerangkan kebimbangan guru pelatih ini. Kebimbangan ini berkaitan dengan konsep sendiri, tugas dan impak atau kesan. Tiga aspek mengenai kebimbangan sendiri adalah mengenai disiplin dalam pengurusan kelas, penyesuaian diri dan institusi serta sifat-sifat peribadi, sementara dua lagi lebih berkaitan dengan kebimbangan tentang pengurusan tugas-tugas seperti kaedah dan strategi mengajar dan berurusan dengan pelajar-pelajar yang mempunyai keperluan istimewa. Menurut Locke (1997), adalah penting untuk menumpukan perhatian kepada jenis-jenis kebimbangan yang dihadapi oleh guru pelatih kerana ianya dapat membantu meningkatkan persediaan guru. Pandangan ini juga disokong oleh Doebler & Roberson (1987, 1989), yang menyatakan bahawa jika lebih banyak yang diketahui tentang kesukaran yang dialami oleh guru pelatih dan sumber kebimbangan mereka, peluang untuk menghapuskan masalah tersebut adalah lebih baik dan ini meningkatkan lagi peluang mereka untuk lebih berjaya.

2.2 Latihan Praktik

Latihan praktik merupakan satu latihan perguruan yang penting kerana ia merupakan satu peluang bagi guru pelatih yang terbabit untuk mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari. Ia merupakan elemen penting dalam program latihan perguruan kerana melalui latihan ini, guru pelatih biasanya akan mempamerkan tingkah laku pengajaran yang telah didedahkan kepada mereka sepanjang tempoh pembelajaran di institut pengajian tinggi. Menurut Abd Raof dan T. Subahan (1991), dalam menjalani latihan praktik, faktor penting yang perlu ada pada diri pelatih adalah:

- Asas pendidikan
- Penguasaan isi pelajaran akademik
- Penggunaan prinsip pedagogi dan
- Sahsiah yang diharapkan

Tidak dapat di nafikan latihan praktik memberi guru pelatih ini banyak peluang untuk menimba seberapa banyak pengetahuan mengenai ilmu pendidikan serta mempraktikkan teori-teori yang telah dipelajari. Walaubagaimana pun latihan praktik ini merupakan satu sumber kebimbangan ramai pelajar kerana ia membabitkan tanggungjawab yang perlu ditanggung oleh guru pelatih berkenaan.

2.2.1 Takrif Kebimbangan

Kebimbangan membawa takrif sebagai satu keadaan di mana timbulnya perasaan tidak selesa atau takut kerana mempunyai perasaan antisipasi terhadap sesuatu keadaan yang mengancam (Koba, Ogawa & Wilkinson, 2000). Individu yang melihat dan menjalani suatu keadaan yang negatif atau situasi yang mendatangkan suasana yang merbahayakan akan melahirkan rasa kebimbangan. Ia juga merupakan konsep yang agak kompleks di mana ia melibatkan perasaan seseorang tentang kebolehan, penilaian serta potensi diri dalam sesuatu situasi dengan tahap kebimbangan yang agak tinggi. Bandura (1991), mengaitkan teori *self-efficacy* dengan kebimbangan kerana ia merupakan situasi atau keadaan yang dilihat sebagai mengancam, di mana hasil kebimbangan itu tertakluk kepada persepsi individu dalam kebolehannya untuk mengatasi sesuatu masalah secara positif. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa konsep sendiri seseorang individu boleh menjadi suatu faktor yang menghasilkan situasi kebimbangan.

Kebimbangan yang tinggi akan menyebabkan tekanan dalam diri seseorang itu. Fontana and Abouserie (1993), menyatakan bahawa tekanan itu membawa maksud yang berbeza-beza iaitu dari perasaan seperti *tension* atau *pressure* kepada sesuatu yang lebih kompleks seperti sesuatu yang merangkumi aspek psikologi atau fisiologi. Menurut Black-Branch dan Lamont (1998), profesion perguruan merupakan satu profesion yang kerap mengundang perasaan tekanan yang tinggi. Dalam menjalani latihan praktik di sekolah, guru pelatih juga dijangka terdedah kepada tekanan yang serupa atau pengalaman yang lebih memberi tekanan yang melampau. Hart (1987), mengutarakan 4 jenis kebimbangan dalam latihan praktik iaitu kebimbangan penilaian, kebimbangan

profesional dan murid, kawalan kelas dan kehendak latihan praktik. Morton et. al (1997), pula mengenal pasti 4 faktor resolusi yang menyebabkan kebimbangan di kalangan guru pelatih iaitu kebimbangan penilaian, kebimbangan pedagogi, kebimbangan pengurusan bilik darjah dan kebimbangan antara hubungan rakan.

2.2.2 Memahami Ketegangan

Ketegangan merupakan satu perasaan yang timbul hasil dari perasaan kebimbangan. Ia terjadi apabila seseorang tidak dapat mengatasi sesuatu permintaan atau keadaan. Situasi yang tertekan adalah situasi yang tidak dapat dikawal. Keadaan tertekan di kalangan guru pelatih terjadi oleh kerana beberapa faktor. Antaranya, adalah masalah pelajar dalam kelas, masalah pengajaran, ekspektasi dari orang lain, keberkesanan pengajaran, serta penilaian dari pelbagai pihak. Faktor-faktor lain yang menyumbang kepada rasa kebimbangan ini adalah situasi sekeliling yang tidak menyenangkan. Jika rasa kebimbangan ini menguasai seseorang, dia mungkin akan mewujudkan reaksi fizikal seperti tangan yang sentiasa berpeluh, pernafasan yang kencang serta otot yang tegang dan emosi yang negatif. Jika keadaan ini berlarutan, masalah lain mungkin akan timbul kerana ia akan membawa implikasi negatif. Masalah kebimbangan di kalangan guru pelatih ini perlu diatasi dengan segera kerana keadaan kebimbangan ini akan menghasilkan tekanan di kalangan mereka. Justeru itu, ia akan mengakibatkan pemasalahan yang lain seperti tindakbalas tingkahlaku guru yang mengakibatkan kurang keberkesanan dalam kawalan bilik darjah dan seterusnya akan mengganggu hubungan antara guru dan murid.

2.2.3 Penilaian Pengajaran

Penilaian pengajaran merupakan satu proses yang berterusan dalam latihan praktik. Guru pelatih perlu dinilai supaya penilaian tersebut boleh digunakan supaya mereka dapat memperbaiki kelemahan yang sedia ada. Dengan adanya penyeliaan, prestasi pengajaran dengan ini dapat dipertingkatkan. Walaubagaimana pun, penilaian pengajaran oleh penyelia mencetuskan rasa kebimbangan di kalangan guru pelatih ini kerana ada dikalangan mereka yang kurang selesa apabila pengajaran mereka diperhatikan oleh orang lain. Ini menimbulkan rasa bimbang kerana pengajaran mereka mungkin lari dari ekspektasi penyelia yang menjalankan pemerhatian tersebut. Proses penilaian sendiri pula merupakan satu proses di mana pelatih dapat membantu diri sendiri dengan membuat penilaian ke atas pengajaran sendiri. Konsep kritikan sendiri akan dapat membantu guru pelatih ini kerana menurut Bailey (1988), konsep kritikan sendiri boleh ditakrifkan sebagai satu ciri atau strategi yang membantu guru dalam menjalankan satu analisis yang sistematik tentang kekuatan atau kelemahan pengajarannya. Penilaian seperti ini menimbulkan kebimbangan kerana guru pelatih ini tidak dapat mengenalpasti kelemahan diri mereka bagi memperbaiki pengajaran mereka.

2.2.4 Kecekapan Mengajar

Salah satu elemen pengajaran yang baik adalah kebolehan dan kecekapan guru mengajar dan memahami masalah pelajar. Proses peningkatan kecekapan mengajar merupakan satu proses panjang (Abd Raof Dalip & T. Subahan, 1991) kerana guru pelatih ini perlu menggunakan pengalaman yang dibina hasil daripada pengajaran di bilik darjah untuk membantu meningkatkan kecekapan yang sedia ada. Ciri-ciri guru pelatih seperti

personaliti mereka serta kecekapan mengajar merupakan elemen penting dalam penguasaan seseorang itu dalam mata pelajaran yang diajarnya. Jerome (2002), menyatakan bahawa guru baru atau guru pelatih biasanya mempunyai strategi pengajaran yang agak terbatas di mana institut pengajian tinggi biasanya banyak memberi mereka kefahaman pedagogi. Sebaliknya, mereka tidak diberi latihan mendalam tentang situasi yang perlu mereka hadapi. Mereka juga tidak diajar bagaimana menghasilkan situasi pembelajaran yang positif serta lebih teratur. Hal seperti ini menjadikan mereka bimbang untuk menghadapi dunia sebenar dalam bilik darjah. Dalam sistem pembelajaran, mereka perlu diajar strategi pengurusan seperti merancang masa dan kandungan pelajaran, serta pengurusan kelas. Jerome (2002), seterusnya menjelaskan bahawa guru baru sedar perkara yang paling getir untuk dikendalikan dalam mengajar adalah strategi pengurusan ini. Oleh yang demikian, untuk mencapai pendidikan yang berkualiti, guru pelatih perlu bersedia untuk mengembangkan pengetahuan serta kemahiran dan kecekapan dalam menangani pelbagai situasi.

2.2.5 Kesiediaan Mengajar

Program pendidikan telah dicabar untuk menukar pendekatan pengajaran demi memastikan guru pelatih disediakan dengan pelbagai situasi pengajaran dan pembelajaran selain daripada cabaran mereka dengan pelajar yang mempunyai pelbagai masalah.

Kajian mendapati bahawa salah satu faktor timbulnya kebimbangan dalam diri guru pelatih adalah dari aspek kesiediaan mengajar. Kajian ke atas guru pelatih melaporkan bahawa program pendidikan yang mereka ikuti tidak menekankan aspek kesiediaan untuk menghadapi tuntutan pengajaran di bilik darjah dengan masalah-masalah yang dihadapi

oleh murid itu sendiri (Vaughn, Bos, & Schumm, 1997); serta murid –murid yang tidak bermotivasi untuk belajar (Kozol, 1991). Kebanyakan guru pelatih ini kurang bersedia dalam bidang baru ini kerana mereka kerap diberi pendedahan latihan teori, tetapi tidak kepada sesuatu yang lebih praktikal.

2.2.6 Pengurusan Bilik Darjah

Kajian yang dijalankan oleh Merrett dan Whendall (1993), mendapati bahawa kebanyakan guru percaya bahawa kemahiran mengurus kelas merupakan aspek yang penting dalam kerjaya profesion seorang guru. Pelaksanaan program latihan seperti program pengajaran mikro adakalanya terlalu menitikberatkan soal teknik serta kemahiran pengajaran sehingga kemahiran lain seperti pengurusan bilik darjah kurang dititikberatkan. Ini menimbulkan keresahan di kalangan guru pelatih apabila mereka diminta untuk mengajar dalam kelas yang memungkinkan timbulnya masalah disiplin. Kurang kemahiran untuk mengawal disiplin di kelas menimbulkan kebimbangan kerana dengan ini pengajaran mereka juga akan terjejas.

Selain dari kemahiran mengajar, guru pelatih memerlukan satu teknik dimana mereka perlu diberi peluang untuk melatih pelajar. Kebanyakan dari mereka percaya apa yang membimbangkan mereka adalah ketidakupayaan mereka mengawal kelas dan mendisplinkan pelajar yang bermasalah. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Hart (1987), mendapati bahawa 39% dari guru pelatih yang dikajinya bimbang tidak dapat mengurus kelas dan mendisplinkan pelajar dengan baik. Mereka tidak dapat memotivasikan pelajar serta mengambil perhatian pelajar dalam pengajaran mereka.

Oleh yang demikian mereka perlu belajar dan mengadaptasi pengurusan tersebut.

Memandangkan guru pelatih ini masih muda serta belum berpengalaman apabila berdepan dengan ragam murid yang pelbagai, sudah tentu akan menimbulkan kekecewaan dikalangan mereka. Jadi, tempoh latihan praktik ini ternyata akan menimbulkan suasana tegang dalam pengamitan mereka. Jika kelas tidak dapat diurus dengan baik, suasana negatif dalam kelas akan timbul. Contohnya, kacau bilau dalam kelas serta masa yang hilang kerana terpaksa mendisplinkan pelajar. Jika ini berlaku, sudah tentu akan menimbulkan rasa penat dalam diri guru pelatih tersebut dan seterusnya akan menghalang guru tersebut dari menggunakan cara pengajaran yang dapat membentuk pembelajaran yang lebih aktif (Brophy, 1999).

2.2.7 Kepakaran Bahasa

Ada di kalangan guru pelatih yang masih bersifat aprehensi dalam komunikasi seharian mereka akibat kurang kemahiran dalam berbahasa Inggeris. Kebimbangan terhadap kepakaran bahasa sememangnya mempengaruhi pembelajaran bahasa itu sendiri kerana kebimbangan yang melampau akan menyebabkan pelaksanaan tugas yang rendah (Scovel, 1991). McCroskey (1977), mendefinisikan komunikasi aprehensi sebagai perasaan kebimbangan dan kerisauan yang di kaitkan dengan komunikasi sebenar atau komunikasi yang diantisipasi dengan individu lain. Kajian beliau menunjukkan bahawa bercakap dalam bahasa asing di hadapan pelajar ada masanya akan menyebabkan kebimbangan yang sangat tinggi kerana mereka kurang yakin terhadap kemampuan mereka menggunakan bahasa tersebut. Kebimbangan akan kemahiran menggunakan

bahasa asing dilihat sebagai satu ancaman yang boleh membawa kepada konsep sendiri yang negatif. Keadaan guru pelatih tersebut akan menjadi lebih traumatik jika berdepan dengan pelajar yang cekap dan mahir dalam bahasa tersebut.

Dalam latihan praktik, ada guru pelatih yang diminta mengajar subjek yang bukan dalam kepakaran mereka atau mereka tidak didedahkan lagi dengan pengajaran sesuatu mata pelajaran seperti mengajar komponen baru subjek Bahasa Inggeris *English For Science and Technology* atau *English Literature* yang ternyata merupakan perkara asing kepada ramai guru pelatih ini. Ini menimbulkan rasa kebimbangan mereka kerana mereka bukan sahaja tidak bersedia mengajar komponen tersebut malah masih belum cekap dalam kemahiran bahasa yang perlu digunakan untuk memahami komponen itu. Guru pelatih ini perlu menghadapi kekangan cabaran linguistik juga faktor lain untuk memastikan pengajaran berlaku dengan lebih berkesan.

2.2.8 Iklim Sekolah

Tidak dinafikan bahawa iklim sekolah mempengaruhi tahap kebimbangan guru pelatih. Oleh yang demikian masalah ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Salah satu sebab mengapa ramai guru pelatih menarik diri dari latihan praktik seumpama ini adalah kerana tekanan serta bebanan yang dikenakan oleh pihak sekolah dan guru pembimbing (Chambers & Roper, 2000). Kebanyakan dari guru pelatih ini tidak dapat menyesuaikan diri dengan permintaan yang dikenakan di sekolah. Iklim sekolah juga mahukan guru mereka mempunyai kompeten untuk mengajar dan mengawal kelas. Kajian yang dilakukan oleh Her Majesty's Inspectorate of Schools di England dan Wales

(Department of Education and Science, 1988) mendapati bahawa sekolah mempunyai ekspektasi terhadap guru yang meliputi kebolehan untuk mengawal dan mengurus kelas. Kajian ini juga mendapati bahawa personaliti guru pelatih memainkan peranan penting dalam keberkesanan pengajaran di sekolah. Guru pelatih yang pandai bergaul biasanya dapat menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan atau tekanan, manakala guru pelatih yang bermasalah akan sentiasa diburu kebimbangan. Jadi, persepsi mereka bahawa menghadapi pelajar yang tidak mahu belajar akan menimbulkan masalah perlu diatasi. Mereka perlu lebih bersikap terbuka dan bersedia menghadapi apa jua masalah yang timbul samada dari guru sekeliling, pihak sekolah atau murid sendiri.

2.3 Penyelidikan yang berkaitan dengan kajian ini.

Terdapat banyak kajian yang dijalankan oleh para penyelidik pendidikan di dalam mengenalpasti masalah, kerisauan dan kebimbangan yang timbul semasa guru pelatih melakukan latihan mengajar. Smith (2000), telah membuat analisa terhadap 14 kajian penyelidikan tentang masalah yang pernah dialami oleh guru pelatih semasa mereka menyempurnakan latihan mengajar. Beliau telah mengkategorikan masalah ini mengikut model pembangunan guru yang berasaskan kepada 'Model Tiga Aras Mengenai Kebimbangan Guru' yang digunakan oleh Fuller (1969). Smith telah mengklasifikasikan masalah ini kepada tema berikut: disiplin dalam pengurusan bilik darjah, penyesuaian diri dan institusi, sifat-sifat peribadi, kaedah pengajaran dan strategi serta bekerja dengan pelajar yang mempunyai keperluan istimewa. Kesemua masalah ini boleh menyebabkan tekanan yang akan memberi kesan terhadap prestasi guru-guru pelatih di dalam kelas.

Mac Donald (1993) dan para penyelidik lain yang mengkaji masalah tekanan guru pelatih (Campbell-Evans & Maloney, 1995; Capel, 1997; D’Rozario & Wong, 1996, Elkerton, 1984; Morton, Vesco, Williams & Awender, 1997) mendapati bahawa, walaupun guru pelatih menganggap latihan mengajar adalah perkara yang paling penting dalam program pendidikan guru, ramai yang melaporkan ianya sangat memberi tekanan. Berikut adalah bahagian-bahagian yang telah dikenalpasti mendatangkan masalah dan menyebabkan tekanan serta kebimbangan kepada guru-guru pelatih.

2.3.1 Disiplin di dalam Pengurusan Kelas

Banyak kajian penyelidikan telah dijalankan berhubung dengan masalah yang dialami oleh guru pelatih semasa mereka melakukan latihan mengajar. Kebanyakan kajian tersebut mendapati bahawa guru pelatih sangat mengambil berat dan bimbang terhadap disiplin dan pengurusan kelas. Walaupun pengurusan kelas sering ditukar ganti dengan disiplin, namun, kedua-duanya adalah tidak sama. Nolan (1995) menyatakan bahawa pengurusan kelas adalah segalanya yang dilakukan oleh guru untuk menghalang timbulnya masalah, iaitu dengan memastikan arahan dipatuhi dan kerjasama diwujudkan untuk menghalang masalah daripada timbul. Daripada sudut yang lain, disiplin adalah cara terbaik untuk mengawal atau menguruskan masalah perilaku pelajar iaitu bagaimana menghadapi masalah apabila ianya timbul (Kounin, 1995).

Zeidner (1998), telah melakukan kajian ke atas 281 pelajar Israel yang bakal mengajar di sekolah menengah rendah. Beliau menjelaskan bahawa salah laku pelajar dan disiplin dalam kelas adalah didapati antara aspek yang paling sukar dan mengganggu pengajaran

mereka dan boleh dianggap sebagai faktor utama yang menyumbang kepada ketidakpuashatian dan kemarahan guru. Dalam kajian lain yang berkaitan oleh Hart (1987), yang cuba untuk mengukur tahap kebimbangan yang dirasakan oleh guru pelatih, telah menyimpulkan bahawa kebimbangan yang paling kerap dilaporkan adalah mengenai pengawalan kelas dan disiplin, dan bagaimana untuk memotivasikan dan mengekalkan minat pelajar-pelajar.

2.3.2 Penyesuaian

Menurut Ryan (1986) adalah tidak mudah bagi guru pelatih untuk berdepan dengan perubahan daripada diajar kepada mengajar dan oleh itu, penyesuaian adalah amat diperlukan. Briggs (1991) telah mengenalpasti dua jenis penyesuaian yang perlu dilakukan semasa guru pelatih mengajar. Ianya berkaitan dengan institusi dan sendiri. Penyesuaian institusi adalah berkenaan dengan bagaimana guru pelatih menyesuaikan diri mereka di sekolah dan bagaimana mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah. Manakala penyesuaian sendiri adalah berhubung dengan cara emosi guru pelatih bertindak balas dengan pengalaman pengajaran yang diperolehi. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Clement (1999), mengenai mengurangkan tekanan terhadap pengajaran, guru pelatih telah diminta untuk melengkapkan pernyataan “Pengajaran memberi tekanan kerana”. Ada diantara ulasan mereka menyatakan : “Pengajaran memberi tekanan kerana ia melibatkan banyak tanggungjawab peribadi”, “Saya hendak hanya yang terbaik dan tidak kurang daripada itu” dan “ Ia memberi tekanan kerana ia menguji sebaik mana seseorang itu telah bersedia untuk menceburi kerjaya yang dipilih”.

Faktor-faktor lain yang memberi tekanan kepada pelatih adalah faktor peribadi, keluarga dan kewangan.

2.3.3 Sifat-sifat Peribadi

Keperibadian dan sifat-sifat guru telah lama menarik minat para pengkaji pendidikan (Pigge & Marso, 1987). Richards and Briggs (1983) menyatakan bahawa peranan guru pelatih adalah tidak stabil kerana setiap individu tersebut bukan hanya pelajar atau guru, tetapi merupakan gabungan kedua-duanya. Oleh itu, telah didapati bahawa guru-guru pelatih ini selalunya lebih suka memuaskan hati dan menarik perhatian guru yang menyelia daripada menumpukan perhatian kepada kerja yang ada. Penaksiran dan penilaian menjadi tekanan kepada guru pelatih dan punca utama tekanan adalah daripada ketidakstabilan penilaian yang dilakukan oleh penyelia dan guru-guru pembimbing dalam menilai guru pelatih. Keputusan yang sama ditemui oleh Murray-Harvey, Silins and Saebel (1999) apabila mereka yang melakukan kajian perbandingan silang budaya terhadap kebimbangan yang dihadapi oleh pelajar Australia dan Singapura semasa latihan mengajar mereka. Mereka mendapati kedua-dua pelajar Australia dan Singapura lebih merasa bimbang terhadap kemampuan untuk melaksanakan beban tugas dengan berjaya, jangkaan yang tinggi terhadap prestasi dan dinilai oleh penyelia mereka.

2.3.4 Kaedah Pengajaran dan Strategi

Terdapat banyak elemen yang terlibat dalam proses pengajaran. Menurut Fenden (1994), adalah satu keperluan yang penting kepada guru-guru untuk memperbaiki kemahiran mengajar secara berterusan supaya proses pengajaran lebih berkesan. Memperbaiki

kemahiran mengajar sesungguhnya satu tugas yang berat kepada guru-guru berpengalaman dan ianya hampir mustahil untuk guru pelatih melakukan dengan jayanya kerana mereka tidak berpengalaman dalam memanipulasi kaedah-kaedah dan strategi mengajar. Hasil kajian oleh Jones (2000) ke atas guru pelatih di German terhadap persepsi mereka tentang perkembangan latihan mengajar mendapati bahawa guru pelatih lebih bimbang tentang konflik yang timbul di antara mereka dan penyelia mengenai kaedah pengajaran. Beberapa guru pelatih merasakan penyelia mereka selalunya mempunyai pandangan tersendiri tentang kaedah pengajaran dan mereka merasakan mereka perlu menghormati pandangan itu.

2.3.5 Pelajar yang mempunyai keperluan istimewa

Pelajar yang mempunyai keperluan istimewa boleh dikategorikan sebagai mereka yang memerlukan khidmat pakar untuk menjadi ahli masyarakat yang berfungsi dan dapat menyara diri mereka (Briggs, 1991). Kebolehan untuk berurusan dengan pelajar seperti ini dan bersifat sensitif terhadap perbezaan individu adalah sangat penting (Doebler and Roberson, 1987; Roberson and Doebler, 1989). Mahan (1984) telah menjelaskan keadaan kerja dengan pelbagai pelajar apabila beliau membuat perbandingan kebimbangan antara guru sekolah menengah dan rendah. Beliau menyatakan masalah ini sebagai masalah “budaya” kerana ia berkaitan dengan memenuhi kehendak budaya dan/atau ekonomi pelajar yang ada di sekolah.

Berdasarkan analisa ke atas 14 kajian penyelidikan tentang masalah yang dialami oleh guru pelatih menggunakan Model Tiga Aras oleh Fuller, Smith (2000) mendapati

kebanyakan kebimbangan guru jatuh pada aras pertama iaitu kebimbangan mengenai diri, disiplin dalam pengurusan kelas, penyesuaian diri dan institusi serta sifat-sifat peribadi. Daripada 5 tema yang timbul daripada kajian literatur sebagai permasalahan kepada guru pelatih, disiplin di dalam pengurusan kelas telah ditekankan dalam 11 daripada 14 kajian, keperluan istimewa telah dinyatakan dalam 6 kajian, manakala strategi pengajaran, penyesuaian diri dan institusi serta sifat-sifat peribadi masing-masing telah dinyatakan dalam 3 kajian.

BAB III

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, kajian akan membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mendapat dan menganalisis data yang diperlukan untuk menjawab persoalan kajian.

Antara perkara yang dibincangkan ialah rekabentuk kajian, sampel kajian, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian, kaedah penganalisan data dan akhirnya kebolehpercayaan alat ujian.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah secara tinjauan. Tinjauan ini bertujuan untuk melihat sejauhmana tahap kebimbangan ketika mengajar di kalangan guru pelatih (TESL) UTM yang telah mengikuti latihan praktik di sekitar Negeri Johor.

Kajian ini adalah kajian berbentuk deskriptif. Bentuk ini adalah sesuai untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan kebimbangan dikalangan guru pelatih tersebut.

Tinjauan ini dibuat dengan menggunakan borang soal selidik. Rekabentuk tinjauan soal selidik digunakan kerana penyelidik merasakan kaedah ini mampu menghasilkan kadar pemulangan dan pelengkapan yang tinggi.

3.3 Sampel Kajian

Kajian ini tertumpu kepada guru pelatih TESL dari Fakulti Pendidikan, UTM Skudai yang mengikuti latihan praktik di sekolah menengah bantuan kerajaan di Negeri Johor pada Mei, 2001. Secara keseluruhannya, sampel kajian ini terdiri daripada 56 orang guru pelatih Tahun 3 Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan TESL. Mereka merupakan guru pelatih TESL kumpulan kedua yang memasuki UTM pada tahun 1998. Mereka telah pun di beri pendedahan mengikuti matapelajaran pengajaran mikro I dan II selama 2 semester sebelum dibenarkan menjalani latihan praktik di sekolah. Mereka dikehendaki mengikuti latihan praktik sebanyak dua kali sepanjang pengajian di UTM. Tinjauan ini di lakukan sebelum mereka menjalani latihan praktik kali pertama.

Sampel kajian untuk menentukan tahap perbezaan antara faktor-faktor kebimbangan pula adalah menggunakan 19 pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan TESL kumpulan pertama yang telah menjalani latihan praktik pertama selama 6 minggu pada April 2000 dan latihan praktik kedua selama 6 minggu pada Mei 2001. Data kumpulan pertama adalah lanjutan dari laporan penyelidikan (Wan Zarina Wan Zakaria et. al, 2002) yang telah disimpan sehingga pengumpulan data kumpulan kedua guru pelatih TESL untuk melihat samada terdapat perbezaan kebimbangan yang signifikan antara latihan praktik pertama dan kedua.

3.4 Kaedah Persampelan

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Dalam kajian ini, disebabkan oleh jumlah guru pelatih yang tidak ramai, maka kajian secara populasi telah digunakan. Keseluruhan 56 orang guru pelatih telah mengambil bahagian dalam tinjauan ini. Mereka adalah terdiri daripada semua pelajar Fakulti Pendidikan kumpulan kedua yang mengambil TESL sebagai opsyen pertama mereka. 19 orang guru pelatih kumpulan pertama juga telah diambil secara populasi untuk menentukan perbezaan persepsi dikalangan kedua-dua kumpulan guru pelatih.

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini adalah borang soal selidik *Student-Teacher Anxiety Scale* (Hart, 1987) yang diadaptasi oleh penyelidik bagi memenuhi matlamat dan objektif kajian. Soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama ialah bahagian yang mengandungi item-item demografi responden seperti jantina, keputusan peperiksaan, bahasa pertuturan di rumah dan pengalaman bekerja. Bahagian kedua pula adalah bahagian yang mengandungi pernyataan tentang perasaan guru pelatih ini dari segi tahap keresahan mereka sewaktu melakukan latihan mengajar. Ia melibatkan 6 kelompok sub skala iaitu keresahan dari segi Pengurusan Kelas, Persediaan Mengajar, Kemahiran Mengajar, Kemahiran Bahasa, Persekitaran sekolah/staf dan Konsep Kendiri. Namun, dalam soal selidik yang diberikan soalan tidak disusun mengikut kelompok tertentu tetapi sebaliknya dicampuradukkan dengan tujuan supaya jawapan yang diberikan oleh responden adalah lebih neutral serta tidak bias.

Instrumen ini menggunakan skala lima mata berdasarkan kepada skala terendah “Sangat Setuju” kepada skala tertinggi “Sangat Tidak Setuju”.

3.5.1 Kebolehpercayaan Instrument Kajian

Kesemua instrumen kajian diuji dengan menggunakan kajian kebolehpercayaan Cronbach Alpha. Nilai alpha untuk setiap sub skala adalah dari **0.49** ke **0.88** dengan keseluruhan 0.96. Pecahan nilai alpha untuk setiap sub skala adalah seperti berikut:

Skala	Jumlah item	Alpha (α)
Pengurusan Kelas	10	0.85
Persediaan Mengajar	5	0.66
Kemahiran Mengajar	10	0.81
Kemahiran Bahasa	7	0.88
Persekitaran Sekolah atau Staff	7	0.85
Konsep Kendiri	4	0.49

3.5.2 Pemarkatan Manual

Bahagian B dalam soal selidik yang digunakan, menggunakan skala lima (5) mata sebagai pilihan kepada responden bagi mengukur tahap keresahan mereka iaitu seperti berikut :-

- '1' bagi Sangat Setuju
- '2' bagi Setuju
- '3' bagi Tiada keputusan
- '4' bagi Tidak setuju
- '5' bagi Sangat Tidak Setuju

Bagi mengukur Pengurusan Kelas, 10 item telah dibina, Persediaan Mengajar sebanyak 5 item, Kemahiran Mengajar sebanyak 10 item, Kemahiran Bahasa sebanyak 7 item, Persekitaran Sekolah/Staff sebanyak 7 item dan Konsep Kendiri sebanyak 4 item. Susunan item-item bagi bagi sub-skala tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.1:-

Jadual 3.1 : Jumlah Item-iten Bagi setiap Sub skala.

Sub Skala	Bil. Item
a. Pengurusan Kelas B1+ B8 + B14 + B18 + B24 + B33 + B37 + B39 + B44 + B45	10
b. Persediaan Mengajar B16+B20+B25+B31+B50	5
c. Kemahiran Mengajar B5 + B6 + B13 + B15 + B21 + B27 + B28 + B32 + B38 + B41	10
d. Kemahiran Bahasa B10 + B11 + B17 + B22 + B29 + B34 + B43	7
e. Persekitaran Sekolah atau Staff B7 + B12 + B19 + B23 + B36 + B40 + B47	7
f. Konsep Kendiri B26 + B30 + B42 + B49	4
Jumlah	43

Skor kebimbangan disukat dengan mengira jumlah skor bagi setiap sub skala dan dianggap tinggi apabila mencapai dua pertiga daripada jumlah skor. Skor dianggap sederhana bila berada lebih daripada satu pertiga dan rendah jika kurang daripada satu pertiga.

Jadual 3.2: Pemarkatan Skor Bagi Setiap Sub Skala

	Rendah	Sederhana	Tinggi
a. Pengurusan Kelas	0 - 1.7	1.7 - 3.4	3.4 - 5
b. Persediaan Mengajar	0 - 1.7	1.7 - 3.4	3.4 - 5
c. Kemahiran Mengajar	0 - 1.7	1.7 - 3.4	3.4 - 5
d. Konsep Kendiri	0 - 1.7	1.7 - 3.4	3.4 - 5
e. Kemahiran Bahasa	0 - 1.7	1.7 - 3.4	3.4 - 5
f. Persekitaran Sekolah/Staf	0 - 1.7	1.7 - 3.4	3.4 - 5

3.6 Analisis Data

Dalam kajian ini, perisian SPSS versi 10.0 windows telah digunakan untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan. Penganalisan data-data adalah melibatkan beberapa jenis statistik seperti berikut:-

1. Penggunaan peratusan bagi pembolehubah-pembolehubah bebas yang melibatkan jantina, keputusan Bahasa Inggeris di peringkat SPM, bahasa pertuturan di rumah, pengalaman bekerja serta keputusan yang diperolehi oleh responden dalam beberapa subjek teras sewaktu menuntut di UTM iaitu subjek *Structure of English, Effective Writing* dan *Oral Communication*.
2. Statistik deskriptif yang melibatkan penghitungan min, peratusan dan kekerapan untuk meninjau persepsi responden terhadap beberapa bentuk kebimbangan

- mengikuti kepada faktor-faktor yang mempengaruhinya menggunakan kajian kebolehpercayaan Cronbach Alpha.
3. Analisis Ujian –T digunakan untuk menguji samada terdapatnya perbezaan min kebimbangan yang signifikan di kalangan guru pelatih kumpulan satu terhadap 6 sub skala kebimbangan sebelum latihan praktik pertama 2000 dan sebelum latihan praktik kedua 2002.
 4. Analisis korelasi di gunakan untuk analisis hubungan korelasi faktor-faktor kebimbangan.
 5. Paras signifikan yang digunakan untuk menguji analisis parametrik ini ialah .05.

3.6.1 Hipotesis 1 hingga Hipotesis 8 (untuk Ujian –T) –Melibatkan Kumpulan satu-latihan praktik pertama (2000) dan latihan praktik kedua (2002)

- 3.6.1.1 Tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan pengurusan kelas sebelum 2000 dan selepas 2002.
- 3.6.1.2 Tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persediaan mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002.
- 3.6.1.3 Tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002.
- 3.6.1.4 Tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran bahasa sebelum 2000 dan selepas 2002.
- 3.6.1.5 Tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persekitaran sekolah / staf sebelum 2000 dan selepas 2002.

- 3.6.1.6 Tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan konsep sendiri sebelum 2000 dan selepas 2002.
- 3.6.1.7 Tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan latihan praktik sebelum 2000 dan selepas 2002.
- 3.6.1.8 Tiada perbezaan antara faktor-faktor dibawah tahap kebimbangan sebelum 2000 dan selepas 2002.

BAB IV

ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan maklumat-maklumat yang diperolehi dalam bentuk data yang telah dianalisis mengikut teknik perisian Window SPSS versi 10.0. Maklumat yang telah dibuat penganalisaan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Statistik deskriptif yang melibatkan penghitungan min, peratusan dan kekerapan digunakan untuk meninjau persepsi responden dan ujian-t digunakan untuk menguji samada terdapat perbezaan min yang signifikan di kalangan guru pelatih.

Bahagian ini juga digunakan bagi melapor analisa data berdasarkan dengan persoalan kajian yang dibuat dalam Bab 1. Secara keseluruhannya, ia bertujuan untuk meninjau tahap kebimbangan di kalangan guru pelatih TESL, UTM sewaktu mereka menjalani latihan praktik disekolah-sekolah daerah Johor.

4.2 Latarbelakang Responden

Seramai 56 orang guru terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus TESL di UTM yang menjalani latihan praktik di sekolah-sekolah daerah Johor.

Jadual 4.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	9	16.1
Perempuan	47	83.9
Jumlah	56	100.0

Daripada 56 orang responden yang dipilih, 47 orang (83.9%) adalah perempuan dan 9 orang (16.1%) terdiri daripada lelaki. Sila rujuk Jadual 4.1.

Jadual 4.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)

Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)	Bilangan	Peratusan
Cemerlang	28	50.0
Kredit	28	50.0
Jumlah yang memberi respon	56	100.0
Jumlah responden	56	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan seramai 28 orang (50.0%) mendapat cemerlang bagi subjek Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM dan 28 orang (50.0%) lagi mendapat kredit.

Jadual 4.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bahasa Pertuturan Di Rumah

Bahasa Pertuturan Di Rumah	Bilangan	Peratusan
Bahasa Melayu	41	73.2
Bahasa Inggeris	3	5.4
Cina	8	14.3
Tamil	2	3.6
Lain-lain	2	3.6
Jumlah	56	100.0

Jadual 4.3 menunjukkan daripada 56 orang responden di dalam kajian ini, 41 orang (73.2%) menggunakan Bahasa Melayu di dalam perbualan harian di rumah, 8

orang (14.3%) berbahasa Cina, 3 orang (5.4%) berbahasa Inggeris manakala setiap 2 orang (3.6%) masing-masing menggunakan bahasa Tamil dan lain-lain bahasa di rumah.

Jadual 4.4: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja

Pengalaman Bekerja	Bilangan	Peratusan
Ada	26	46.4
Tiada	30	53.6
Jumlah responden	56	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan 26 orang (46.4%) mempunyai pengalaman bekerja sementara 30 orang lagi tidak mempunyai pengalaman bekerja.

Jadual 4.5: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Gred Diperolehi Untuk Matapelajaran “Structure Of English”

Gred diperolehi dalam subjek “Structure of English”	Bilangan	Peratusan
A/A-	8	14.3
B/B+	15	26.8
B-	10	17.9
C+ ke bawah	23	41.1
Jumlah yang memberi respon	56	100.0
Jumlah responden	56	100.0

Jadual 4.5 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut gred diperolehi dalam subjek *Structure of English*. Seramai 23 orang (41.1%) mendapat C+ ke

bawah dalam subjek *Structure of English*, 15 orang (26.8%) mendapat B/B+, 10 orang (17.9%) masing-masing mendapat B- manakala 8 orang (14.3%) mendapat A/A-.

Jadual 4.6: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Gred Diperolehi Untuk Matapelajaran “Effective Writing”

Gred diperolehi untuk subjek “Effective Writing”	Bilangan	Peratusan
A/A-	8	14.3
B/B+	20	35.7
B-	12	21.4
C+ ke bawah	16	28.5
Jumlah yang memberi respon	56	100.0
Jumlah responden	56	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut gred diperolehi dalam subjek *Effective writing*. Di dalam mata pelajaran *Effective writing*, seramai 20 orang (35.7%) mendapat B/B+, 16 orang (28.5%) mendapat C+ ke bawah, 12 orang (21.4%) mendapat B- dan 8 orang (14.3%) mendapat A/A-.

Jadual 4.7: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Gred Diperolehi Untuk Matapelajaran “*Oral Communication*”

Gred diperolehi dalam subjek “ <i>Oral Communication</i> ”	Bilangan	Peratusan
A/A-	8	14.3
B/B+	27	48.2
B-	12	21.4
C+ ke bawah	9	16.1
Jumlah yang memberi respon	56	100.0
Jumlah responden	56	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut gred diperolehi dalam subjek *oral communication*. Bilangan yang mendapat B/B+ dalam mata pelajaran di atas adalah tinggi iaitu seramai 27 orang (48.2%) berbanding dengan mereka yang mendapat B- iaitu 12 orang (21.4%), 8 orang (14.3%) mendapat A/A- dan 9 orang (16.1%) mendapat C+ ke bawah.

Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item

**Jadual 4.8: Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item
Di Faktor Kebimbangan Pengurusan kelas**

Item	Pernyataan	Tahap Persetujuan					Mean	SD
	5	4	3	2	1			
B1	bagaimana memberi perhatian kepada setiap pelajar tanpa ada yang diabaikan	<u>1</u> 1.8%	-	<u>3</u> 5.5%	<u>35</u> 63.6%	<u>17</u> 30.4%	1.80	
B8	mengawal pelajar bermasalah	-	-	<u>14</u> 25.0%	<u>29</u> 51.8%	<u>13</u> 23.2%	2.02	0.70
B14	mengawal kelakuan buruk pelajar di dalam kelas	-	<u>1</u> 1.8%	<u>17</u> 30.4%	<u>24</u> 42.9%	<u>14</u> 25.0%	2.09	0.79
B18	mengawal tahap kebisingan di dalam kelas	-	<u>6</u> 10.7%	<u>8</u> 14.3%	<u>27</u> 48.2%	<u>15</u> 26.8%	2.09	0.92
B24	bagaimana mengawal pelajar yang tidak mendengar kata	-	<u>7</u> 12.5%	<u>11</u> 19.6%	<u>24</u> 42.9%	<u>14</u> 25.0%	2.20	0.96
B33	menghadapi kehendak pelajar yang berbeza-beza	-	-	<u>8</u> 14.3%	<u>37</u> 66.1%	<u>11</u> 19.6%	1.95	0.59
B37	mengenalpasti masalah pembelajaran pelajar	-	<u>6</u> 10.7%	<u>18</u> 32.1%	<u>25</u> 44.6%	<u>7</u> 12.5%	2.41	0.85
B39	berkebolehan mengatasi pelajar yang tidak bermotivasi	-	<u>4</u> 7.1%	<u>11</u> 19.6%	<u>26</u> 46.4%	<u>15</u> 26.8%	2.07	0.87
B44	mengekalakan tahap pengawalan kelas yang sesuai	-	<u>1</u> 1.8%	<u>7</u> 12.5%	<u>30</u> 53.6%	<u>18</u> 32.1%	1.84	0.71
B45	samasa pelajar memperoleh apa yang diperlukan	-	<u>2</u> 3.6%	<u>7</u> 12.5%	<u>35</u> 62.5%	<u>12</u> 21.4%	1.98	0.70
	Mean keseluruhan							

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan
N=56

5 – Sangat tidak setuju

4 – Tidak setuju

3 – Tiada keputusan

2 – Setuju

1 – Sangat setuju

Jadual 4.9: Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item Di Faktor Kebimbangan Persediaan Mengajar

Item	Pernyataan	Tahap Persetujuan					Mean	SD
		5	4	3	2	1		
B16	apa yang saya ambil berat semasa melakukan latihan mengajar adalah..... samada saya telah menghabiskan topik atau bahan dengan secukup-cukupnya atau tidak	-	<u>4</u> 7.1%	<u>5</u> 8.9%	<u>31</u> 55.4%	<u>16</u> 28.6%	1.95	0.82
B20	memilih kandungan pelajaran yang sesuai	-	<u>3</u> 5.4%	<u>4</u> 7.1%	<u>32</u> 57.1%	<u>17</u> 30.4%	1.88	0.76
B25	mengekalkan piawai yang cukup baik untuk persediaan mengajar	-	<u>1</u> 1.8%	<u>7</u> 12.5%	<u>31</u> 55.4%	<u>17</u> 30.4%	1.86	0.70
B31	jika saya kekurangan bahan mengajar	<u>2</u> 3.6%	<u>4</u> 7.1%	<u>15</u> 26.8%	<u>23</u> 41.1%	<u>12</u> 21.4%	2.30	1.01
B50	samada skim kerja saya mencukupi atau tidak	-	<u>3</u> 5.4%	<u>11</u> 19.6%	<u>26</u> 46.4%	<u>16</u> 28.6%	2.02	0.84
	Mean keseluruhan						2.00	0.61

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan

N=56

5 – Sangat tidak setuju

4 – Tidak setuju

3 – Tiada keputusan

2 – Setuju

1 – Sangat setuju

Jadual 4.10: Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item Di Faktor Kebimbangan Kepakaran Mengajar

Item	Pernyataan	Tahap Persetujuan					Mean	SD
		5	4	3	2	1		
B5	apa yang saya ambil berat semasa melakukan latihan mengajar adalah..... samada prestasi saya memuaskan atau tidak dari pandangan guru kelas	-	<u>3</u> 5.4%	<u>7</u> 12.5%	<u>29</u> 51.8%	<u>17</u> 30.4%	1.93	0.81
B6	bagaimana latihan mengajar saya daripada pandangan penyelia saya	-	<u>2</u> 3.6%	<u>3</u> 5.4%	<u>31</u> 55.4%	<u>20</u> 35.7%	1.77	0.71
B13	jangkaan penyelia terhadap latihan mengajar saya	-	-	<u>8</u> 14.3%	<u>32</u> 57.1%	<u>16</u> 28.6%	1.86	0.64
B15	bagaimana reaksi penyelia terhadap lebih banyak pengajaran yang tidak berjaya jika ianya timbul	-	<u>2</u> 3.6%	<u>10</u> 17.9%	<u>23</u> 41.1%	<u>21</u> 37.5%	1.88	0.83
B21	mengekalakan pendekatan yang cukup lancar dan menarik	-	<u>1</u> 1.8%	<u>3</u> 5.4%	<u>29</u> 51.8%	<u>23</u> 41.1%	1.68	0.66
B27	menyiapkan kertas kerja pada waktu yang ditetapkan	-	<u>2</u> 3.6%	<u>8</u> 14.3%	<u>21</u> 37.5%	<u>25</u> 44.6%	1.77	0.83
B28	apakah pengajaran yang penyelia akan lihat apabila datang	-	<u>6</u> 10.7%	<u>3</u> 5.4%	<u>24</u> 42.9%	<u>23</u> 41.1%	1.86	0.94
B32	melakukan yang baik semasa penyelia menilai saya	-	-	<u>8</u> 14.3%	<u>254</u> 44.6%	<u>23</u> 41.1%	1.73	0.70
B38	merasa puas hati sebagai guru	-	<u>2</u> 3.6%	<u>14</u> 25.0%	<u>28</u> 50.0%	<u>12</u> 21.4%	2.11	0.78
B41	penyelia mengakui dan menghormati kebolehan saya	-	<u>2</u> 3.6%	<u>6</u> 10.9%	<u>29</u> 52.7%	<u>19</u> 33.9%	1.77	
	Mean keseluruhan							

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan N=56

5 – Sangat tidak setuju

2 - Setuju

4 – Tidak setuju

1 – Sangat setuju

3 – Tiada keputusan

**Jadual 4.11: Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item
Di Faktor Kebimbangan Kepakaran Bahasa**

Item	Pernyataan	Tahap Persetujuan					Mean	SD
		5	4	3	2	1		
B10	samada saya boleh menjawab soalan yang ditanya oleh pelajar atau tidak	-	<u>6</u> 10.9%	<u>6</u> 10.9%	<u>27</u> 49.1%	<u>17</u> 30.4%	2.02	
B11	fasih dalam bahasa yang saya ajar	-	<u>4</u> 7.1%	<u>4</u> 7.1%	<u>20</u> 35.7%	<u>28</u> 50.0%	1.71	0.89
B17	melakukan kesilapan tatabahasa semasa mengajar	<u>1</u> 1.8%	<u>4</u> 7.1%	<u>3</u> 5.4%	<u>26</u> 46.4%	<u>22</u> 39.3%	1.86	0.94
B22	apabila pelajar boleh mengesan kesilapan yang mungkin saya lakukan	-	<u>8</u> 14.3%	<u>10</u> 17.9%	<u>19</u> 33.9%	<u>19</u> 33.9%	2.13	1.05
B29	apabila pelajar kelihatan lebih mahir daripada saya	<u>1</u> 1.8%	<u>6</u> 10.7%	<u>8</u> 14.3%	<u>18</u> 32.1%	<u>23</u> 41.1%	2.00	1.08
B34	samada saya cukup mahir untuk mengajar Bahasa Inggeris	-	<u>3</u> 5.4%	<u>7</u> 12.5%	<u>15</u> 26.8%	<u>31</u> 55.4%	1.68	0.90
B43	mengajar pelajar yang kelihatan sangat mahir dalam Bahasa Inggeris	<u>1</u> 1.8%	<u>5</u> 8.9%	<u>9</u> 16.1%	<u>22</u> 39.3%	<u>19</u> 33.9%	2.05	1.02
	Mean keseluruhan							

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan

N=56

5 – Sangat tidak setuju

4 – Tidak setuju

3 – Tiada keputusan

2 – Setuju

1 – Sangat setuju

**Jadual 4.12: Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item
Di Faktor Kebimbangan Persekitaran Sekolah / Staf**

Item	Pernyataan	Tahap Persetujuan					Mean	SD
	Apa yang saya ambil berat semasa melakukan latihan mengajar adalah.....	5	4	3	2	1		
B7	samada staf di sekolah akan sedia menolong saya atau tidak	<u>1</u> 1.8%	<u>6</u> 10.7%	<u>14</u> 25.0%	<u>25</u> 44.6%	<u>10</u> 17.9%	2.34	0.96
B12	bercampur gaul dengan staf di sekolah	<u>1</u> 1.8%	<u>3</u> 5.4%	<u>9</u> 16.1%	<u>36</u> 64.3%	<u>7</u> 12.5%	2.20	0.80
B19	bagaimana reaksi seseorang staf di sekolah terhadap satu atau lebih pengajaran yang tidak berjaya jika ianya berlaku	-	<u>12</u> 21.4%	<u>11</u> 19.6%	<u>25</u> 44.6%	<u>8</u> 14.3%	2.48	0.99
B23	samada saya boleh memberikan kerjasama sepenuhnya kepada staf di sekolah atau tidak	<u>1</u> 1.8%	<u>6</u> 10.7%	<u>15</u> 26.8%	<u>27</u> 48.2%	<u>7</u> 12.5%	2.41	0.91
B36	mendapat terlalu banyak tugas sekolah yang lain	-	<u>11</u> 19.6%	<u>17</u> 30.4%	<u>21</u> 37.5%	<u>7</u> 12.5%	2.57	0.95
B40	diterima dan diberi perhatian oleh rakan sekerja	<u>1</u> 1.8%	<u>6</u> 10.9%	<u>7</u> 12.7%	<u>31</u> 56.4%	<u>10</u> 18.2%	2.22	0.94
B47	dengan rutin dan ketidakanjalan situasi mengajar	<u>1</u> 1.8%	<u>6</u> 10.7%	<u>12</u> 21.4%	<u>29</u> 51.8%	<u>8</u> 14.3%	2.34	0.92
	Mean keseluruhan						2.36	0.69

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan

N=56

5 – Sangat tidak setuju

4 – Tidak setuju

3 – Tiada keputusan

2 – Setuju

1 – Sangat setuju

Jadual 4.13: Bilangan Dan Peratusan Responden Yang Menjawab Setiap Item Di Faktor Kebimbangan Konsep Kendiri

Item	Pernyataan	Tahap Persetujuan					Mean	SD
	Apa yang saya ambil berat semasa melakukan latihan mengajar adalah.....	5	4	3	2	1		
B30	sentiasa merasa di bawah tekanan	<u>2</u> 3.6%	<u>7</u> 12.5%	<u>12</u> 21.4%	<u>24</u> 42.9%	<u>11</u> 19.6%	2.38	1.05
B26	dengan penilaian yang dibuat oleh penyelia latihan mengajar saya	-	<u>2</u> 3.6%	<u>5</u> 8.9%	<u>30</u> 53.6%	<u>19</u> 33.9%	1.82	0.74
B42	bekerja dengan kelas yang besar / terlalu ramai setiap hari	<u>2</u> 3.6%	<u>5</u> 8.9%	<u>16</u> 28.6%	<u>19</u> 33.9%	<u>14</u> 25.0%	2.32	1.06
B49	samada saya boleh atau tidak mengawal kritikan daripada pelajar	<u>2</u> 3.6%	<u>4</u> 7.1%	<u>10</u> 17.9%	<u>28</u> 50.0%	<u>12</u> 21.4%	2.21	0.99
	Mean keseluruhan						2.18	0.64

Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan

N=56

5 – Sangat tidak setuju

4 – Tidak setuju

3 – Tiada keputusan

2 – Setuju

1 – Sangat setuju

4.3 Kebimbangan Guru Pelatih Ketika Mengajar Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)

Jadual 4.14: Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Pengurusan Kelas Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)

Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)		Kebimbangan Pengurusan Kelas		Jumlah
		Sederhana	Tinggi	
Cemerlang	Bilangan	6	22	28
	Jumlah %	10.7%	39.3%	50.0%
Kredit	Bilangan	8	20	28
	Jumlah%	14.3%	35.7%	50.0%
Jumlah	Bilangan	14	42	56
	Jumlah %	25.0%	75.0%	100.0%

Jadual 4.14 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap kebimbangan pengurusan kelas mengikut keputusan Bahasa Inggeris dalam SPM. Daripada 28 orang (50.0%) yang memperolehi cemerlang bagi subjek Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM, seramai 22 orang (39.3%) mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi terhadap pengurusan kelas dan 6 orang (10.7%) menunjukkan tahap yang sederhana.

Seramai 28 orang (50.0%) memperolehi pencapaian kredit, dimana 20 orang (35.7%) daripadanya menunjukkan tahap yang tinggi terhadap pengurusan kelas dan 8 orang (14.3%) di tahap sederhana.

Jadual 4.15: Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persediaan Mengajar Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)

Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)		Kebimbangan Persediaan Mengajar		Jumlah
		Sederhana	Tinggi	
Cemerlang	Bilangan	5	23	28
	Jumlah %	8.9%	41.1%	50%
Kredit	Bilangan	9	19	28
	Jumlah %	16.1%	33.9%	50.0%
Jumlah	Bilangan	14	42	56
	Jumlah %	25.0%	75.0%	100.0%

Jadual 4.15 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap persediaan mengajar mengikut keputusan Bahasa Inggeris dalam SPM. Daripada 28 orang (50.0%) yang memperolehi cemerlang bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM, seramai 23 orang (41.1%) menunjukkan tahap yang tinggi terhadap kebimbangan persediaan mengajar manakala 5 orang (8.9%) lagi menunjukkan tahap yang sederhana.

Seramai 28 orang (50.0%) memperolehi pencapaian kredit bagi mata pelajaran yang sama, dimana 19 orang (33.9%) daripadanya menunjukkan tahap yang tinggi dan 9 orang (16.1%) di tahap sederhana terhadap persediaan mengajar.

Jadual 4.16: Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Mengajar Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)

Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)		Kebimbangan Kepakaran Mengajar		Jumlah
		Sederhana	Tinggi	
Cemerlang	Bilangan	6	22	28
	Jumlah %	10.7%	39.3%	50.0%
Kredit	Bilangan	8	20	28
	Jumlah%	14.3%	35.7%	50.0%
Jumlah	Bilangan	14	42	56
	Jumlah %	25.0%	75.0%	100.0%

Jadual 4.16 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap kebimbangan kepakaran mengajar mengikut keputusan mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam SPM. Daripada 28 orang (50.0%) yang memperolehi cemerlang bagi Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM, seramai 22 orang (39.3%) menunjukkan tahap yang tinggi terhadap kepakaran mengajar dan 6 orang (10.7%) menunjukkan tahap yang sederhana.

Daripada 28 orang (50.0%) yang memperolehi pencapaian kredit bagi Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM, seramai 20 orang (35.7%) mempunyai tahap yang tinggi terhadap kebimbangan kepakaran mengajar dan 8 orang (14.3%) menunjukkan tahap sederhana.

Jadual 4.17: Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa Mengikut Keputusan Bahasa Inggeris (SPM)

Keputusan Bahasa Inggeris SPM		Kebimbangan Kepakaran Bahasa			Jumlah
		Rendah	Sederhana	Tinggi	
Cemerlang	Bilangan	1	3	24	28
	Jumlah %	1.8%	5.4%	42.8%	50.0%
Kredit	Bilangan	1	7	20	28
	Jumlah %	1.8%	12.5%	35.7%	50.0%
Jumlah	Bilangan	2	10	44	56
	Jumlah %	3.6%	17.9%	78.5%	100.0%

Jadual 4.17 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap kepakaran bahasa mengikut keputusan Bahasa Inggeris (SPM). Daripada 28 orang (50.0%) yang memperoleh cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam SPM, seramai 24 orang (42.8%) menunjukkan tahap yang tinggi terhadap keimbangan kepakaran bahasa, 3 orang (5.4%) di tahap yang sederhana dan seorang (1.8%) di tahap yang rendah.

	C+ ke bawah	Bilangan	2	7	9	
		Jumlah %	3.6%	12.5%	16.1%	
	Jumlah		Bilangan	13	43	56
			Jumlah %	23.2%	76.8%	100.0%

Jadual 4.51 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap kepakaran mengajar mengikut gred diperolehi dalam *Oral communication*. Daripada 43 orang (76.8%) yang mempunyai tahap yang tinggi terhadap kebimbangan kepakaran mengajar, seramai 22 orang (39.3%) memperolehi gred B/B+ di dalam *Oral communication*, setiap 7 orang (12.5%) masing-masing mendapat A/A- dan B- dan 7 orang (12.5%) mendapat C+ ke bawah dalam mata pelajaran *Oral communication*.

Seramai 13 orang (23.2%) yang menunjukkan tahap persepsi yang sederhana terhadap kebimbangan kepakaran mengajar, setiap 5 orang (8.9%) masing-masing memperoleh gred B/B+ dan B- dan seorang (1.8%) mendapat A/A- dan 2 orang (3.6%) mendapat C+ ke bawah.

Jadual 4.52: Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa Mengikut Gred Diperolehi Untuk Matapelajaran *Oral Communication*.

			Kebimbangan Kepakaran Bahasa			Jumlah	
			Rendah	Sederhana	Tinggi		
Gred diperolehi dalam <i>Oral communication</i>	A/A-	Bilangan	1	1	6	8	
		Jumlah %	1.8%	1.8%	10.7%	14.3%	
	B/B+	Bilangan	-	2	25	27	
		Jumlah %	-	3.6%	44.6%	48.2%	
	B-	Bilangan	1	5	6	12	
		Jumlah %	1.8%	8.9%	10.7%	21.4%	
	C+ ke bawah	Bilangan	-	1	8	9	
		Jumlah %	-	1.8%	14.3%	16.1%	
	Jumlah		Bilangan	2	9	45	56
			Jumlah %	3.6%	16.1%	80.3%	100.0%

Jadual 4.52 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap kepakaran bahasa mengikut gred diperolehi dalam *Oral communication*. Daripada 45 orang (80.3%) yang mempunyai tahap yang tinggi terhadap kebimbangan kepakaran bahasa, seramai 25 orang (44.6%) memperoleh gred B/B+ di dalam *Oral communication*, setiap 6 orang (10.7%) masing-masing mendapat A/A-, B- dan 8 orang (14.3%) mendapat C+ ke bawah.

Seramai 9 orang (16.1%) yang menunjukkan tahap persepsi yang sederhana terhadap kebimbangan kepakaran bahasa, 5 orang (8.9%) memperolehi gred B-, 2 orang (3.6%) mendapat B/B+ dan setiap seorang (1.8%) masing-masing mendapat A/A- dan C+ ke bawah di dalam *Oral communication*.

Seramai 2 orang (3.6%) menunjukkan tahap persepsi yang rendah terhadap kebimbangan kepakaran bahasa dan setiap seorang (1.8%) masing-masing mendapat gred A/A- dan B- dalam *Oral communication*.

Jadual 4.53: Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Persekitaran Sekolah / Staf Mengikut Gred Diperolehi Untuk Matapelajaran *Oral Communication*.

			Kebimbangan Persekitaran Sekolah / Staf			Jumlah
			Rendah	Sederhana	Tinggi	
Gred diperolehi dalam <i>Oral communication</i>	A/A-	Bilangan	-	4	4	8
		Jumlah %	-	7.1%	7.1%	14.2%
	B/B+	Bilangan	1	8	18	27
		Jumlah %	1.8%	14.3%	32.1%	48.2%
	B-	Bilangan	1	8	3	12
		Jumlah %	1.8%	14.3%	5.4%	21.5%
	C+ ke bawah	Bilangan	-	2	7	9
		Jumlah %	-	3.6%	12.5%	13.1%
	Jumlah	Bilangan	2	22	32	56
		Jumlah %	3.8%	39.6%	56.6%	100.0%

Jadual 4.53 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap persekitaran sekolah / staf mengikut gred diperolehi dalam *Oral communication*. Daripada 32 orang (56.6%) yang mempunyai tahap yang tinggi terhadap kebimbangan persekitaran sekolah / staf, seramai 18 orang (32.1%) memperolehi gred B/B+ di dalam *Oral communication*, 7

orang (12.5%) mendapat C+ ke bawah, 4 orang (7.1%) mendapat A/A- dan 3 orang (5.4%) mendapat B-.

Daripada seramai 22 orang (39.6%) yang menunjukkan tahap persepsi yang sederhana terhadap kebimbangan persekitaran sekolah / staf, setiap 8 orang (14.3%) masing-masing memperolehi gred B/B+ dan B-, 4 orang (7.1%) mendapat A/A- dan dua orang (3.6%) mendapat gred C+ ke bawah di dalam *Oral communication*.

Jadual 4.54: Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Konsep Kendiri Mengikut Gred Diperolehi Untuk Matapelajaran *Oral Communication*.

			Kebimbangan Konsep Kendiri			Jumlah
			Rendah	Sederhana	Tinggi	
Gred diperolehi dalam <i>Oral communication</i>	A/A-	Bilangan	1	2	5	8
		Jumlah %	1.8%	3.6%	8.9%	14.3%
	B/B+	Bilangan	-	8	19	27
		Jumlah %	-	14.3%	33.9%	48.2%
	B-	Bilangan	1	6	5	12
		Jumlah %	1.8%	10.7%	8.9%	21.4%
	C+ ke bawah	Bilangan	-	1	8	9
		Jumlah %	-	1.8%	14.3%	16.1%
	Jumlah	Bilangan	2	17	37	56
		Jumlah %	3.6%	30.4%	66.0%	100.0%

Jadual 4.54 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap kebimbangan konsep kendiri mengikut gred diperolehi dalam *Oral communication*. Daripada 37 orang (66.0%) yang mempunyai tahap yang tinggi terhadap kebimbangan konsep kendiri, seramai 19 orang (33.9%) memperolehi gred B/B+ di dalam *Oral communication*, setiap

5 orang (8.9%) masing-masing mendapat A/A- dan B- dan 8 orang (10.3%) mendapat C+ ke bawah.

Seramai 17 orang (30.4%) yang menunjukkan tahap persepsi yang sederhana terhadap kebimbangan konsep sendiri, 8 orang (14.3%) memperoleh gred B/B+, 6 orang (10.7%) mendapat B-, 2 orang (3.6%) mendapat A/A- dan seorang (1.8%) mendapat gred C+ ke bawah di dalam *Oral communication*.

Seramai 2 orang (3.6%) menunjukkan tahap persepsi yang rendah terhadap konsep sendiri dan setiap seorang (1.8%) masing-masing mendapat gred A/A- dan B-.

Jadual 4.55: Tahap Persepsi Responden Terhadap Kebimbangan Latihan Praktik Secara Keseluruhan Mengikut Gred Diperolehi Untuk Matapelajaran *Oral Communication*.

			Kebimbangan Latihan Praktik		Jumlah	
			Sederhana	Tinggi		
Gred diperolehi dalam <i>Oral communication</i>	A/A-	Bilangan	3	5	8	
		Jumlah %	5.4%	8.9%	14.3%	
	B/B+	Bilangan	2	25	27	
		Jumlah %	3.6%	44.6%	48.2%	
	B-	Bilangan	5	6	11	
		Jumlah %	8.9%	12.5%	21.4%	
	C+ ke bawah	Bilangan	1	8	9	
		Jumlah %	1.8%	14.3%	16.1%	
	Jumlah		Bilangan	11	44	51
			Jumlah %	19.7%	80.3%	100.0%

Jadual 4.55 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap latihan praktik secara keseluruhan mengikut gred diperolehi dalam *Oral communication*. Daripada 44 orang (80.3%) yang mempunyai tahap yang tinggi terhadap kebimbangan latihan praktik secara keseluruhan, seramai 25 orang (44.6%) memperoleh gred B/B+ di dalam *Oral communication*, 6 orang (12.5%) mendapat B- dan 8 orang (14.3) mendapat C+ ke bawah dan 5 orang (8.9%) mendapat A/A-.

Seramai 11 orang (19.7%) yang menunjukkan tahap persepsi yang sederhana terhadap kebimbangan latihan praktik secara keseluruhan, 5 orang (8.9%) memperoleh gred B-, 3 orang (5.4%) mendapat A/A-, 2 orang (3.6%) mendapat B/B+ dan seorang (1.8%) mendapat gred C+ ke bawah di dalam *Oral communication*.

Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan pengurusan kelas sebelum 2000 dan selepas 2002

Jadual 4.56: Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kebimbangan Pengurusan Kelas (Sebelum- 2000 Dan Selepas- 2002)

Tempoh masa	n	Min	dk	t	p
Sebelum - 2000	19	1.95	35	0.23	0.82
Selepas - 2002	19	1.99			

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 4.56 menunjukkan min skor sebelum ialah 1.95 manakala min skor selepas pula ialah 1.99. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan pengurusan kelas sebelum 2000 dan selepas 2002. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.82 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai 'p' ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Oleh yang demikian hipotesis 1 yang menyatakan bahawa tiada perbezaan persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan pengurusan kelas sebelum 2000 dan selepas 2002 adalah diterima.

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persediaan mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002.

Jadual 4.57 : Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kebimbangan Persediaan Mengajar (Sebelum- 2000 Dan Selepas- 2002)

Tempoh masa	n	Min	dk	t	p
Sebelum – 2000	19	1.89	36	0.80	0.43
Selepas – 2002	19	2.05			

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 4.57 menunjukkan min skor sebelum ialah 1.89 manakala min skor selepas pula ialah 2.05. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persediaan mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.43 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai 'p' ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Oleh yang demikian hipotesis 2 yang menyatakan bahawa tiada perbezaan persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persediaan mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002 adalah diterima.

Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002.

Jadual 4.58 : Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kebimbangan Kepakaran Mengajar (Sebelum- 2000 Dan Selepas- 2002)

Tempoh masa	n	Min	dk	t	p
Sebelum - 2000	19	1.80	36	0.61	0.54
Selepas - 2002	19	1.91			

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 4.58 menunjukkan min skor sebelum ialah 1.80 manakala min skor selepas pula ialah 1.91. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.54 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai 'p' ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Oleh yang demikian hipotesis 3 yang menyatakan bahawa tiada perbezaan persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran mengajar sebelum 2000 dan selepas 2002 adalah diterima.

Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran bahasa sebelum 2000 dan selepas 2002.

Jadual 4.59 : Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kebimbangan Kepakaran Bahasa (Sebelum- 2000 Dan Selepas- 2002)

Tempoh masa	n	Min	dk	t	p
Sebelum - 2000	19	1.86	36	0.24	0.81
Selepas - 2002	19	1.92			

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 4.59 menunjukkan min skor sebelum ialah 1.86 manakala min skor selepas pula ialah 1.92. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap keresahan kepakaran bahasa sebelum 2000 dan selepas 2002. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.81 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai 'p' ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Oleh yang demikian hipotesis 4 yang menyatakan bahawa tiada perbezaan persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran bahasa sebelum dan selepas adalah diterima.

Hipotesis 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persekitaran sekolah / staf sebelum 2000 dan selepas 2002.

Jadual 4.60 : Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kebimbangan Persekitaran Sekolah / Staf (Sebelum- 2000 Dan Selepas- 2002)

Tempoh masa	n	Min	dk	t	p
Sebelum - 2000	19	2.23	36	1.49	0.15
Selepas - 2002	19	2.57			

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 4.60 menunjukkan min skor sebelum ialah 2.23 manakala min skor selepas pula ialah 2.57. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persekitaran sekolah / staf sebelum 2000 dan selepas 2002. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.15 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai 'p' ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Oleh yang demikian hipotesis 5 yang menyatakan bahawa tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persekitaran sekolah / staf sebelum dan selepas adalah diterima.

Hipotesis 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan konsep sendiri sebelum 2000 dan selepas 2002.

Jadual 4.61 : Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kebimbangan Konsep Kendiri (Sebelum- 2000 Dan Selepas- 2002)

Tempoh masa	n	Min	dk	t	p
Sebelum - 2000	19	1.97	36	1.91	0.07
Selepas - 2002	19	2.34			

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 4.61 menunjukkan min skor sebelum ialah 1.97 manakala min skor selepas pula ialah 2.34. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan konsep sendiri sebelum 2000 dan

selepas 2002. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.07 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai 'p' ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Oleh yang demikian hipotesis 6 yang menyatakan bahawa tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan konsep sendiri sebelum dan selepas adalah diterima.

Hipotesis 7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan latihan praktik sebelum 2000 dan selepas 2002.

Jadual 4.62 : Analisis Ujian-t Perbandingan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kebimbangan Latihan Praktik (Sebelum- 2000 Dan Selepas- 2002)

Tempoh masa	n	Min	dk	t	p
Sebelum - 2000	19	1.94	35	0.96	0.34
Selepas - 2002	19	2.09			

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 4.62 menunjukkan min skor sebelum ialah 1.94 manakala min skor selepas pula ialah 2.09. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan latihan praktik secara keseluruhan sebelum 2000 dan selepas 2002. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.34 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai 'p' ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Oleh yang demikian hipotesis 7 yang menyatakan bahawa tiada perbezaan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan latihan praktik secara keseluruhan sebelum dan selepas adalah diterima.

Hipotesis 8: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor-faktor keseimbangan.

Jadual 4.63: Analisis Hubungan Korelasi Faktor-Faktor Kebimbangan.

	1	2	3	4	5	6
Pengurusan Kelas	-					
Persediaan Mengajar	0.74** p=0.001	-				
Kepakaran Mengajar	0.66** p=0.001	0.77** p=0.001	-			
Kepakaran Bahasa	0.67** p=0.001	0.74** p=0.001	0.62** p=0.001	-		
Persekitaran Sekolah / Staf	0.64** p=0.001	0.71** p=0.001	0.54** p=0.001	0.57** p=0.001	-	
Konsep Kendiri	0.62** p=0.001	0.76** p=0.001	0.67** p=0.001	0.64** p=0.001	0.70** p=0.001	-

n=56 ; ** signifikan pada aras 0.01

- 1 – Pengurusan Kelas
- 2 – Persediaan Mengajar
- 3 – Kepakaran Mengajar
- 4 – Kepakaran Bahasa
- 5 – Persekitaran Sekolah / Staf
- 6 – Konsep Kendiri

Jadual 4.63 menunjukkan hubungan korelasi di antara faktor-faktor keseimbangan. Alias Baba (1992) meletakkan anggaran kekuatan perhubungan antara dua pembolehubah 0.00 - 0.20 lemah dan boleh di abaikan, 0.21 - 0.40 di anggap hubungan yang rendah, 0.41 - 0.60 sebagai hubungan sederhana, 0.61 - 0.80 sebagai hubungan yang tinggi dan 0.81 - 1.00 sebagai hubungan yang sangat tinggi.

Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa kekuatan perhubungan antara pengurusan kelas dengan persediaan mengajar, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa, persekitaran sekolah / staf dan konsep sendiri adalah tinggi dengan nilai korelasinya antara 0.62 hingga 0.74 dan signifikan pada aras 0.01.

Kekuatan perhubungan antara persediaan mengajar dengan pengurusan kelas, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa, persekitaran sekolah / staf dan konsep sendiri juga tinggi dengan nilai korelasi antara 0.71 hingga 0.77 dan signifikan pada aras 0.01.

Kekuatan perhubungan yang tinggi juga adalah di antara kepakaran mengajar dengan pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran bahasa dan konsep sendiri dengan nilai korelasi antara 0.62 hingga 0.77 sementara hubungan antara kepakaran mengajar dengan persekitaran sekolah / staff adalah sederhana (0.54). Kesemua nilai korelasi di atas adalah signifikan pada aras 0.01.

Kekuatan perhubungan yang tinggi juga adalah di antara kepakaran bahasa dengan pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran mengajar dan konsep sendiri dengan nilai korelasi antara 0.62 hingga 0.74 dan hubungan antara kepakaran bahasa dengan persekitaran sekolah / staf adalah sederhana (0.57). Kesemua nilai korelasi di atas adalah signifikan pada aras 0.01.

Kekuatan perhubungan antara persekitaran sekolah / staf dengan pengurusan kelas, persediaan mengajar dan konsep sendiri adalah tinggi dengan nilai korelasi antara 0.64 hingga 0.71 sementara kekuatan perhubungan antara persekitaran sekolah / staf dengan kepakaran mengajar dan kepakaran bahasa pula adalah sederhana dengan nilai korelasi antara 0.54 hingga 0.57 dan kesemua nilai di atas signifikan pada aras 0.01.

Kekuatan perhubungan antara konsep sendiri dengan pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa dan persekitaran sekolah / staf juga tinggi dengan nilai korelasi antara 0.62 hingga 0.76 dan signifikan pada aras 0.01.

BAB V

PERBINCANGAN,IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, hasil dari dapatan analisis akan diringkaskan kepada beberapa bahagian. Bahagian-bahagian ini meliputi ringkasan kajian secara menyeluruh, perbincangan, rumusan, cadangan kajian lanjutan dan saranan kepada pihak yang terbabit. Perbincangan hasil kajian di bahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama menunjukkan keputusan analisis diskriptif subjek. Bahagian kedua menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Manakala bahagian ketiga akan menghuraikan tentang analisis hubungan antara faktor-faktor kebimbangan dan kepuasan kerja berdasarkan kepada tahap hubungan korelasi.

5.2 Bahagian Pertama

5.2.1 Perbincangan Berhubung Dengan Analisis Diskriptif Subjek

Kajian terhadap tahap kebimbangan latihan praktik responden diperingkat sub skala telah dibuat mengikut 6 aspek kebimbangan iaitu pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa, persekitaran sekolah/ staf dan konsep sendiri. Sub skala-sub skala tersebut telah dibandingkan mengikut 5 faktor yang berbeza seperti berikut:-

5.2.2 Mengikuti keputusan Bahasa Inggeris Dalam SPM.

Dapatan menunjukkan bahawa jika mengikuti kepada keputusan Bahasa Inggeris dalam SPM, responden telah dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu pelajar yang mendapat cemerlang dan pelajar yang mendapat kredit. Dalam kajian ini didapati bahawa, kebimbangan dikalangan responden cemerlang yang menjalani latihan praktik adalah rendah dari segi pengurusan kelas iaitu 31.6% (jadual 4.14), persediaan mengajar iaitu 26.3% (jadual 4.15), kepakaran mengajar iaitu 36.8% (jadual 4.16), kepakaran bahasa iaitu 31.6% (jadual 4.17), persekitaran sekolah/staf iaitu 26.3% (jadual 4.18) dan konsep sendiri iaitu 31.6% (jadual 4.19).

Dikalangan responden yang mendapat kredit Bahasa Inggeris dalam SPM pula, mereka yang menunjukkan kebimbangan yang rendah dari segi pengurusan kelas iaitu sebanyak 47.4% (jadual 4.14), persediaan mengajar sebanyak 47.4% (jadual 4.15), kepakaran mengajar sebanyak 52.6% (jadual 4.16), kepakaran bahasa sebanyak 42.1% (jadual 4.17), persekitaran sekolah/ staf iaitu 36.8% (jadual 4.18) dan konsep sendiri iaitu 42.1% (jadual 4.19). Bagi responden yang mendapat kredit juga terdapat sebahagian yang menunjukkan kebimbangan sederhana dalam aspek pengurusan kelas iaitu sebanyak 10.5% (jadual 4.14), persediaan mengajar iaitu 10.5% (jadual 4.15), kepakaran mengajar iaitu 5.3% (jadual 4.16), kepakaran bahasa iaitu 15.8% (jadual 4.17), persekitaran sekolah/ staf iaitu 15.8% (jadual 4.18) dan konsep sendiri iaitu 15.8% (jadual 4.19). Terdapat juga yang mengalami kebimbangan yang tinggi iaitu dari aspek persekitaran sekolah/staf iaitu 5.3% (jadual 4.18).

Manakala secara keseluruhannya (jadual 4.20), hasil kajian menunjukkan sebanyak 42.1% responden TESL mendapat cemerlang dalam Bahasa Inggeris SPM, dan daripada jumlah ini, 36.8% menunjukkan tahap kebimbangan latihan praktik yang rendah dan 5.3% di tahap yang sederhana. Sebanyak 57.9% responden yang mendapat kredit, iaitu sebanyak 47.4% mengalami tahap kebimbangan rendah dan 10.5% mengalami kebimbangan tinggi.

5.2.3 Mengikut Bahasa Pertuturan di Rumah

Dapatan mengikut kepada bahasa pertuturan di rumah dikalangan responden yang menjalani latihan praktik tersebut mengikut jadual 4.21, menunjukkan daripada 57.9% yang menggunakan Bahasa Melayu di rumah, 47.4% mengalami kebimbangan yang rendah dan 10.5% mengalami kebimbangan sederhana, manakala bagi 31.6% yang berbahasa Cina sebanyak 26.3% responden mengalami kebimbangan yang rendah dan 5.3% responden mengalami kebimbangan sederhana bagi kebimbangan dari aspek pengurusan kelas.

Mengikut jadual 4.22 pula, daripada 57.9% responden yang menggunakan Bahasa Melayu di rumah, sebanyak 47.4% mengalami kebimbangan rendah dan 10.5% mengalami kebimbangan sederhana, manakala bagi 31.6% yang berbahasa Cina sebanyak 21.1% responden mengalami kebimbangan yang rendah dan 10.5% responden mengalami kebimbangan sederhana bagi kebimbangan dalam persediaan mengajar.

Merujuk jadual 4.23 sebanyak 57.9% responden yang menggunakan Bahasa Melayu di rumah, terdapat 52.6% mengalami kebimbangan rendah dan 5.3% mengalami kebimbangan sederhana, manakala bagi 31.6% yang berbahasa Cina sebanyak 26.3% responden mengalami kebimbangan rendah dan 5.3% responden mengalami kebimbangan sederhana bagi aspek kepakaran mengajar.

Jadual 4.24 pula menunjukkan daripada 57.9% responden yang menggunakan Bahasa Melayu di rumah, sebanyak 42.1% mengalami kebimbangan rendah dan 15.8% mengalami kebimbangan sederhana, manakala bagi 31.6% yang berbahasa Cina sebanyak 21.1% responden mengalami kebimbangan rendah dan 5.3% responden mengalami kebimbangan tinggi bagi kebimbangan dalam aspek kepakaran bahasa.

Mengikut jadual 4.25 daripada 57.9% responden yang menggunakan Bahasa Melayu di rumah, sebanyak 36.8% responden mengalami kebimbangan rendah, 15.8% mengalami kebimbangan sederhana dan 5.3% mengalami kebimbangan tinggi, manakala bagi 31.6% yang berbahasa Cina sebanyak 26.3% responden mengalami kebimbangan rendah dan 5.3% responden mengalami kebimbangan sederhana bagi kebimbangan dalam persekitaran sekolah / staf.

Mengikut jadual 4.26 daripada 57.9% responden yang menggunakan Bahasa Melayu di rumah, sebanyak 42.1% responden mengalami kebimbangan rendah

dan 15.8% mengalami kebimbangan sederhana, manakala bagi 31.6% yang berbahasa Cina sebanyak 21.1% responden mengalami kebimbangan rendah dan 10.5% responden mengalami kebimbangan sederhana bagi aspek konsep sendiri.

Manakala secara keseluruhannya merujuk jadual 4.27, hasil kajian menunjukkan responden yang bertutur bahasa Melayu di rumah sebanyak 57.9%, dan daripada jumlah ini 47.4% mengalami tahap kebimbangan latihan praktik yang rendah dan 10.5% mengalami kebimbangan sederhana. Manakala daripada 31.6% yang bertutur bahasa Cina di rumah, 26.3% mengalami kebimbangan yang rendah dan 5.3% mengalami kebimbangan sederhana.

5.2.4 Mengikut Pengalaman Bekerja

Merujuk kepada pengalaman bekerja, responden telah dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu yang ada pengalaman bekerja dan yang tiada pengalaman bekerja. Responden yang tiada pengalaman bekerja yang melakukan latihan praktik menunjukkan kebimbangan rendah dari segi pengurusan kelas iaitu sebanyak 36.8% (jadual 4.28), dari segi persediaan mengajar iaitu 31.6% (jadual 4.29), kepakaran mengajar iaitu 42.1% (jadual 4.30), kepakaran bahasa iaitu 36.8% (jadual 4.31), persekitaran sekolah/ staf iaitu 31.6% (jadual 4.32) dan konsep sendiri iaitu 36.8% (jadual 4.33). Sebahagian responden yang tiada pengalaman bekerja pula menunjukkan kebimbangan sederhana iaitu dalam aspek pengurusan kelas iaitu sebanyak 5.3% (jadual 4.28), persediaan mengajar iaitu 10.5% (jadual 4.29), tiada responden yang mengalami kebimbangan sederhana dalam kepakaran

mengajar (jadual 4.30), kepakaran bahasa iaitu 5.3% (jadual 4.31), persekitaran sekolah/ staf iaitu 10.5% (jadual 4.32) dan konsep sendiri iaitu 5.3% (jadual 4.33).

Manakala dikalangan responden yang ada pengalaman bekerja pula, responden yang menunjukkan kebimbangan rendah dari segi pengurusan kelas adalah sebanyak 42.1% (jadual 4.28), persediaan mengajar iaitu juga 42.1% (jadual 4.29), kepakaran mengajar iaitu 47.4% (jadual 4.30), kepakaran bahasa iaitu 36.8% (jadual 4.31), persekitaran sekolah/ staf iaitu 31.6% (jadual 4.32) dan konsep sendiri iaitu 36.8% (jadual 4.33). Bagi responden yang memiliki pengalaman bekerja juga terdapat sebahagian yang mengalami kebimbangan sederhana iaitu dalam aspek pengurusan kelas sebanyak 15.8% (jadual 4.28), persediaan mengajar iaitu juga 15.8% (jadual 4.29), kepakaran mengajar iaitu 10.5% (jadual 4.30), kepakaran bahasa iaitu 15.8% (jadual 4.31), persekitaran sekolah/ staf iaitu 21.1% (jadual 4.32) dan konsep sendiri iaitu juga 21.1% (jadual 4.33). Terdapat juga responden yang mengalami kebimbangan yang tinggi iaitu dari aspek kepakaran bahasa dan persekitaran sekolah/staf iaitu 5.3% (jadual 4.31 dan 4.32).

Manakala secara keseluruhannya merujuk jadual 4.34, hasil kajian menunjukkan sebanyak 42.1% daripada pelajar TESL yang mengikuti latihan praktik tidak memiliki pengalaman bekerja dan daripada jumlah ini, 36.8% mengalami kebimbangan rendah dan 5.3% mengalami kebimbangan sederhana. Sebanyak

57.9% lagi yang ada pengalaman bekerja, iaitu 47.4% menunjukkan kebimbangan rendah dan 10.5% menunjukkan kebimbangan sederhana.

5.2.5 Mengikut Gred Diperolehi Dalam Subjek *Structure of English*

Dapatan menunjukkan bahawa jika mengikut kepada gred yang diperolehi dalam subjek *Structure of English*, dikalangan responden mengikut jadual 4.35, bagi 59.0% yang mendapat gred B- ke bawah, 44.7% menunjukkan kebimbangan tinggi dan 14.3% menunjukkan kebimbangan sederhana, manakala bagi 41.0% yang mendapat gred B ke atas terdapat 32.1% responden mengalami kebimbangan tinggi dan 8.9% responden mengalami kebimbangan sederhana bagi aspek pengurusan kelas.

Mengikut jadual 4.36 seramai 59.0% responden yang mendapat gred B- ke bawah, dan daripada jumlah ini 17.9% mengalami kebimbangan sederhana dan 41.1% mengalami kebimbangan tinggi, manakala bagi 41.0% responden yang mendapat gred B ke atas, sebanyak 8.9% responden mengalami kebimbangan sederhana dan 32.1% responden mengalami kebimbangan tinggi bagi aspek persediaan mengajar.

Merujuk jadual 4.37 seramai 58.9% responden yang mendapat gred B- ke bawah, 12.5% menunjukkan kebimbangan sederhana dan 46.4% menunjukkan kebimbangan tinggi, manakala bagi 41.1% yang mendapat gred B ke atas

sebanyak 12.5% responden mengalami kebimbangan sederhana dan 28.6% responden mengalami kebimbangan tinggi bagi aspek kepakaran mengajar.

Jadual 4.38 pula menunjukkan daripada 58.9% responden yang mendapat gred B- ke bawah, sebanyak 10.7% menunjukkan kebimbangan sederhana dan 46.4% menunjukkan kebimbangan tinggi, manakala bagi 41.1% yang mendapat gred B ke atas, sebanyak 1.8% responden mengalami kebimbangan rendah, 5.4% responden mengalami kebimbangan sederhana dan 33.9% menunjukkan kebimbangan tinggi bagi aspek kepakaran bahasa.

Mengikut jadual 4.39 daripada 58.9% responden yang mendapat gred B- ke bawah 23.3% responden mengalami kebimbangan sederhana dan 33.8% mengalami kebimbangan tinggi, manakala bagi 41.1% yang mendapat gred B ke atas sebanyak 16.1% responden mengalami kebimbangan sederhana, 23.2% responden mengalami kebimbangan tinggi bagi persekitaran sekolah/staf.

Mengikut jadual 4.40 daripada 59.0% responden yang mendapat gred B- ke bawah, 12.5% mengalami kebimbangan sederhana dan 42.9% mengalami kebimbangan tinggi, manakala bagi 41.0% yang mendapat gred B ke atas sebanyak 17.8% responden mengalami kebimbangan sederhana dan juga 23.2% responden mengalami kebimbangan tinggi bagi kebimbangan dalam aspek konsep sendiri.

Manakala secara keseluruhannya merujuk jadual 4.41, hasil kajian menunjukkan daripada semua responden yang mendapat gred B- ke bawah iaitu 58.9%, sebanyak 14.2% mengalami tahap kebimbangan latihan praktik yang sederhana dan 44.7% mengalami kebimbangan tinggi. Manakala daripada 41.1% yang mendapat gred B ke atas, sebanyak 9.0% mengalami kebimbangan yang sederhana dan 32.1% mengalami kebimbangan tinggi.

5.2.6 Mengikut Gred Diperolehi Dalam Subjek *Effective Writing*

Dapatan menunjukkan bahawa jika mengikut kepada gred diperolehi dalam subjek *Effective Writing*, dikalangan responden mengikut jadual 4.42, daripada 50.0% yang mendapat gred B- ke bawah, 14.3% menunjukkan kebimbangan sederhana dan 35.7% mengalami kebimbangan tinggi, manakala bagi 50% yang mendapat gred B ke atas sebanyak 9.0% responden mengalami kebimbangan sederhana dan 41.0% mengalami kebimbangan tinggi bagi aspek pengurusan kelas.

Mengikut jadual 4.43 kesemua responden yang mendapat gred B- ke bawah menunjukkan kebimbangan yang sederhana iaitu sebanyak 26.7%, manakala bagi 50.1% responden yang mendapat gred B ke atas, sebanyak 10.8% responden mengalami kebimbangan sederhana dan 39.3% responden mengalami kebimbangan tinggi bagi kebimbangan dalam aspek persediaan mengajar.

Merujuk jadual 4.44 daripada 49.9% responden yang mendapat gred B- ke bawah, 21.4% menunjukkan kebimbangan sederhana dan 78.6% menunjukkan kebimbangan tinggi, manakala bagi 50.1% responden yang mendapat gred B ke atas, 12.5% menunjukkan kebimbangan sederhana dan 37.6% menunjukkan kebimbangan tinggi bagi aspek kepakaran mengajar.

Jadual 4.45 pula menunjukkan daripada 49.9% yang mendapat gred B- ke bawah, 8.9% menunjukkan kebimbangan sederhana dan 39.2% mengalami kebimbangan tinggi, manaka bagi 50.1% responden yang mendapat gred B ke atas, 8.9% mengalami kebimbangan sederhana dan 39.4% mengalami kebimbangan tinggi bagi aspek kepakaran bahasa.

Mengikut jadual 4.46 juga, daripada 48.2% yang mendapat gred B- ke bawah, 19.6% menunjukkan kebimbangan sederhana dan 28.6% menunjukkan kebimbangan tinggi, manakala bagi 50.0% yang mendapat gred B ke atas seramai 17.8% responden mengalami kebimbangan sederhana dan 30.4% mengalami kebimbangan tinggi bagi aspek persekitaran sekolah/staf.

Mengikut jadual 4.47, 50.0% responden yang mendapat gred B- ke bawah iaitu 14.2% menunjukkan kebimbangan sederhana dan 34.0% menunjukkan kebimbangan tinggi, manakala bagi 50.0% yang mendapat gred B ke atas sebanyak 16.0% responden mengalami kebimbangan sederhana dan 32.2% responden mengalami kebimbangan tinggi bagi aspek konsep sendiri.

Manakala secara keseluruhannya merujuk jadual 4.48, hasil kajian menunjukkan semua responden yang mendapat gred B- ke bawah iaitu 50.1%, 10.7% menunjukkan kebimbangan sederhana dan 39.4% menunjukkan kebimbangan tinggi, manakala daripada 49.9% yang mendapat gred B ke atas, 49.9% menunjukkan kebimbangan tinggi dan 10.7% menunjukkan kebimbangan sederhana bagi aspek latihan praktik.

5.2.7 Mengikut Gred Diperolehi Dalam *Oral Communication*

Dapatan menunjukkan bahawa jika mengikut kepada gred diperolehi dalam *Oral Communication*, keseluruhan responden menunjukkan kebimbangan tinggi dalam 5 subskala iaitu dalam kebimbangan pengurusan kelas (jadual 4.49), persediaan mengajar (jadual 4.50), kepakaran mengajar (jadual 4.51), kepakaran bahasa (jadual 4.52), konsep sendiri (jadual 4.54) dan kebimbangan persekitaran sekolah/staf (jadual 4.53).

5.3 Bahagian Kedua

Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian dibawah:

- Adakah guru pelatih TESL kumpulan kedua di UTM mengalami kebimbangan sebelum menjalani latihan praktik di sekolah?
- Apakah faktor-faktor yang berkaitan dengan kebimbangan guru pelatih kumpulan kedua TESL di UTM sebelum menjalani latihan praktik?

- Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kebimbangan guru pelatih TESL sebelum tahun 2000 dan selepas tahun 2002?

5.3.1 Perbincangan

Bahagian ini membincangkan hubungan persepsi terhadap kebimbangan dengan tempoh masa dikalangan pelajar TESL UTM yang mengikuti latihan praktik di sekolah-sekolah di Johor. Tempoh masa yang dibincangkan adalah sebelum tahun 2000 iaitu sebelum mereka mengikuti latihan praktik kali pertama dan selepas 2002 iaitu sebelum mereka mengikuti latihan praktik kali kedua.

Dari segi kebimbangan pengurusan kelas (jadual 4.56), didapati bahawa skor min sebelum 2000 ialah 1.95 dan selepas 2002 ialah 1.99. Ini bermakna, dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan pengurusan kelas ($t = 0.23$; $p = 0.82$) sebelum dan selepas tahun 2000. Ini bermakna keputusan kajian jelas menunjukkan bahawa kebimbangan pengurusan kelas di awal kajian bertajuk '*Tinjauan tahap keresahan di kalangan guru pelatih terhadap latihan mengajar di sekolah*' oleh penyelidik dan rakan-rakan (Wan Zarina et.al 2002) mendapati bahawa kebimbangan 19 guru pelatih tetap tinggi walaupun akan menghadapi latihan praktik kali kedua. Hasil dari kajian ini memberi gambaran jelas sememangnya guru pelatih mengambil berat masalah yang bakal timbul di kelas kendalian mereka, tidak kira samada bagaimana mengawal pelajar bermasalah, memenuhi kehendak pelajar yang berbeza, mengenal pasti masalah pembelajaran pelajar atau mengawal kelas dengan baik merupakan prioriti utama mereka. Jangka masa dua

tahun tidak mengurangkan kebimbangan pengurusan kelas mereka. Kebimbangan mereka terhadap pengurusan kelas tetap berada pada tahap tinggi.

Hasil kajian merupakan dapatan yang telah dikumpul selama dua tahun (sebelum tahun 2000 dan selepas 2002) terhadap 19 guru pelatih TESL yang telah menjalani latihan praktik di sekolah sekitar Johor. Dapatan kajian ini membolehkan kita mengetahui salah satu faktor kebimbangan yang masih dialami oleh guru pelatih tersebut. Daripada keputusan yang telah diberikan didapati faktor pengurusan kelas masih pada tahap tinggi dan sekaligus membuktikan faktor umur dan pengalaman mengajar yang terhad pada peringkat permulaan latihan mengajar mempengaruhi guru pelatih dari melaksanakan pengurusan kelas yang baik. Berasaskan hasil penemuan ini juga bolehlah dibuat kesimpulan bahawa pengajaran Mikro I dan II yang dihadiri oleh guru pelatih semasa menjalani program TESL di UTM masih kurang membantu guru pelatih menghadapi tekanan sebelum menjalani latihan praktik mereka dari segi pengurusan kelas yang baik. Ini mungkin berpunca dari ketidak perhatinan guru pelatih akan situasi sebenar semasa pengajaran Mikro I dan II dijalankan atau pengajaran dan pembelajaran tersebut kurang menekankan secara terperinci kepentingan aspek tersebut. Ia juga berkemungkinan kerana semasa pengajaran Mikro I dan II dijalankan, audien yang hadir hanyalah rakan sekuliah guru pelatih dan bukan pelajar sekolah sebenar membuatkan guru pelatih sukar untuk mengagak realiti sebenar yang bakal dihadapi.

Dari segi kebimbangan persediaan mengajar, didapati bahawa skor min sebelum tahun 2000 ialah 1.89 dan selepas tahun 2002 ialah 2.05 (jadual 4.57). Ini bermakna, hasil kajian

mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persediaan mengajar ($t = 0.80$; $p = 0.43$) sebelum dan selepas tahun 2000.

Dapatan kajian ini menunjukkan, walaupun semasa menghadiri kuliah pengajaran Mikro I dan II di UTM, di mana faktor yang paling ditekankan kepada semua guru pelatih adalah menyediakan persediaan mengajar yang betul dengan teliti sebelum memasuki mana-mana kelas di sekolah kerana persediaan yang rapi dan sempurna adalah amat penting untuk memastikan supaya pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Apabila seseorang itu membuat persediaan yang rapi sebelum sesuatu pembelajaran, guru itu sendiri akan merasa lebih yakin terhadap diri sendiri. Di antara faktor yang menyumbang kepada kebimbangan persediaan mengajar di kalangan guru pelatih termasuklah samada topic pengajaran yang disentuh mencukupi, memilih isi pembelajaran yang sesuai, mengekalkan mutu persediaan yang baik atau samada jumlah bahan pengajaran yang disediakan mencukupi bersesuaian dengan masa pembelajaran. Kajian ini mendapati bahawa guru pelatih TESL masih menghadapi tekanan kebimbangan terhadap persediaan mengajar. Masa yang panjang iaitu dua tahun selepas latihan praktik pertama tidak memberi banyak membantu tahap kebimbangan guru pelatih tersebut kerana ia masih berada di tahap tinggi.

Pada keseluruhannya dapatan kajian membuktikan guru pelatih (TESL) tidak mempunyai tahap persediaan mengajar yang tinggi. Berlakunya keadaan ini mungkin disebabkan oleh masalah kesuntukan masa yang dihadapi oleh guru pelatih dalam menangani urusan

kehidupan seharian sebagai tenaga pengajar yang baru dengan situasi tersebut.

Sesungguhnya aspek pengalaman mengajar merupakan faktor penting dimana purata pengalaman mengajar guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar adalah terhad jika dibandingkan dengan guru berpengalaman.

Dari segi kebimbangan kepakaran mengajar, didapati bahawa skor min sebelum tahun 2000 ialah 1.80 dan selepas tahun 2002 ialah 1.91 (jadual 4.58). Ini bermakna, pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran mengajar ($t = 0.61$; $p = 0.54$) sebelum dan selepas tahun 2000.

Berpandukan kepada hasil kajian, dapatan menunjukkan dengan jelas tahap kebimbangan mengajar guru pelatih TESL tetap berada pada tahap tinggi. Ini berkemungkinan kerana mereka menghadapi tekanan kerana meragui kepakaran mengajar mereka sendiri. Kelemahan mengajar menyebabkan mereka meletakkan tekanan ke atas diri sendiri.

Guru yang berkesan menilai bukan sahaja pelajar tetapi pembelajaran mereka sendiri. Walau bagaimanapun, guru yang baru menceburi profesion perguruan berkemungkinan menghadapi masalah di dalam kedua-dua jenis penilaian. Menurut Freiberg (2002), kebanyakan guru baru mempunyai strategi penilaian yang terhad dan juga pengalaman yang sedikit terhadap penilaian alternatif yang lain. Beliau menyatakan guru baru harus mengeksplori pembelajaran formal atau informal, perlu diberi pendedahan dan

mempelajari pembinaan pelbagai jenis penilaian. Beliau juga beranggapan kebiasaannya guru baru hanya mempunyai pengalaman penilaian yang digunakan oleh guru mereka semasa mereka belajar tetapi mengetahui strategi penilaian memerlukan pelbagai teknik untuk menentukan tahap pembelajaran dan penilaian kerja pelajar yang berbagai.

Dari segi kebimbangan kepakaran bahasa, didapati bahawa skor min sebelum tahun 2000 ialah 1.86 dan selepas 2002 ialah 1.92 (jadual 4.59). Ini bermakna, pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan kepakaran bahasa ($t = 0.24$; $p = 0.81$) sebelum dan selepas 2000.

Oxford & Ehrman (1993) berpendapat, konflik stail yang berbeza diantara guru dan pelajar mendatangkan beban tambahan yang menyebabkan kebimbangan bahasa di dalam kelas. Bailey (1983) pula mendakwa guru tertentu atau sekumpulan pelajar didalam kelas boleh menyebabkan tahap keresahan atau kebimbangan yang tinggi pada guru pelatih. Young (1991) berkongsi pendapat dengan Bailey (1983). Beliau percaya punca kebimbangan bahasa datangnya dari pelajar, guru atau latihan praktik itu sendiri.

Hasil kajian memperlihatkan bahawa jangka masa latihan praktik dan program perguruan yang komprehensif amat penting bagi membantu guru pelatih menanam sikap jatidiri. Program yang lebih panjang jangka masanya dan merangkumi aspek penting seperti pendedahan kelas yang sebenar sebelum latihan praktik boleh membantu mempertingkatkan penguasaan bahasa guru pelatih.

Dari segi kebimbangan persekitaran sekolah/staf, didapati bahawa skor min sebelum tahun 2000 ialah 2.23 dan selepas 2002 ialah 2.57 (jadual 4.60). Ini bermakna, pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan persekitaran sekolah/staf ($t = 1.49$; $p = 0.15$) sebelum dan selepas 2000.

Ini bertepatan dengan kajian semasa dimana dapatan kajian mempamerkan keputusan kebimbangan terhadap persekitaran sekolah atau staf berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian memperlihatkan bagaimana faktor menyesuaikan diri di persekitaran sekolah memainkan peranan penting kepada guru pelatih. Di samping itu juga kebimbangan semada diterima atau tidak sebagai sebahagian daripada persekitaran sekolah/staf turut menjadi punca kepada kebimbangan yang tinggi pada hampir sejumlah besar guru pelatih.

Hasil kajian ini adalah bersamaan dengan pendapat Ryan (1986) dimana beliau mengatakan adalah tidak mudah bagi guru pelatih untuk berdepan dengan perubahan daripada situasi diajar kepada mengajar. Penyesuaian yang cepat dengan keadaan atau situasi amat diperlukan. Briggs (1991) telah mengenalpasti dua jenis penyesuaian yang perlu dilakukan oleh guru pelatih. Ianya berkaitan dengan institusi dan konsep sendiri. Pertama, penyesuaian institusi adalah berkait rapat dengan cara bagaimana guru pelatih menyesuaikan diri mereka disekolah dan kedua bagaimana mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah itu.

Dapatan ini hampir sama dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Askin dan Imwold (1994). Dapatan Askin dan Imwold (1994) menunjukkan perbezaan persepsi antaru guru pembimbing dan guru pelatih terhadap isu tertentu terutama berkaitan dengan isu pengalaman dan juga teknik pengajaran guru pelatih. Perbezaan persepsi yang ketara dapat dilihat melalui (a) penggunaan rutin, (b) pengajaran matapelajaran (c) penglibatan guru pelatih semasa mengajar, (d) guru pembimbing sebagai model semasa mengajar, dan (e) apakah matlamat dan objektif guru pembimbing dan guru pelatih mengenai pendidikan dan pengajaran.

Dapatan ini juga disokong oleh kajian Clement (1999) yang mendapati kebanyakan penyelia dan guru pembimbing berkongsi pendapat dengan mengatakan bahawa antara faktor utama stres yang dihadapi oleh guru pelatih merangkumi pengurusan kelas, pemerhatian secara formal, masalah sosial yang bakal dihadapi dan juga berhadapan dengan emosi pelajar semasa latihan praktik.

Clement seterusnya mengatakan banyak masalah yang bakal timbul terutama masalah sosial yang melibatkan emosi dan motivasi pelajar, penilaian kerja pelajar dan pengaturan pengajaran yang betul dan pendidikan untuk pelajar cacat.. Beliau percaya berikutan adalah antara punya stress atau kebimbangan yang bakal dihadapi oleh semua guru dan bukan hanya tertumpu kepada guru pelatih sahaja. Walau bagaimanapun, di dalam memastikan masalah ini tidak menjadi lebih besar, guru pembimbing adalah digalakkan untuk membantu guru pelatih dalam beberapa aspek penting kerana mereka lebih mengetahui keadaan sebenar sekolah dan persekitaran sekolah yang melibatkan pelajar,

staf dan juga kerana mereka mempunyai pengalaman yang lebih lama terutama terhadap apa yang harus dilakukan dalam situasi tertentu.

Guru pembimbing boleh membantu guru pelatih dan memainkan peranan sebagai mentor kepada guru pelatih untuk mencari dan mengumpul bahan, membentuk gaya pengajaran tersendiri, menjadi pendengar kepada idea dan juga memantau persediaan mengajar mereka. Guru pembimbing boleh juga menjadi model untuk membina pengurusan positif terutama bagaimana mengatasi stres, mempelajari teknik bila harus mengatakan 'tidak', memilih dan mengetahui berapa banyak kerja yang harus dibawa pulang selepas waktu sekolah dan bagaimana menjadi guru yang lebih sistematik (Lamb, 1995).

Berbeza dengan keputusan kajian Murray-Harvey, Silins dan Saebel, (1999) dimana keputusan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih menganggap masalah bercampur gaul dan persekitaran sekolah memainkan peranan yang tidak penting dan tidak memberi kebimbangan kepada mereka.

Pada keseluruhannya, dapatan kajian berkaitan faktor kebimbangan persekitaran sekolah atau staf menunjukkan keputusan yang tinggi. Walau bagaimanapun kebimbangan ini mungkin dapat dielakkan jika penyelia dan guru pembimbing dapat membantu guru pelatih sebelum dan ketika menjalani latihan praktik mereka. Komunikasi di antara penyelia dan guru pembimbing memainkan peranan penting bagi membantu guru pelatih menjadi lebih cekap dan sistematik dalam menangani masalah yang sedang dan bakal mereka hadapi.

Dari segi kebimbangan konsep sendiri, didapati bahawa skor min sebelum tahun 2000 ialah 1.97 dan selepas tahun 2002 ialah 2.34 (jadual 4.61). Ini bermakna, pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan konsep sendiri ($t = 1.91$; $p = 0.07$) sebelum dan selepas tahun 2000.

Latihan praktik adalah saat paling penting di dalam program persediaan profesional guru (Conant, 1963; Locke, 1979; Paese, 1984; Zeichner, 1998). Latihan praktik sering dikaitkan oleh Conant (1963) sebagai satu elemen penting di dalam profesion pendidikan yang tidak boleh dipertikaikan langsung. Kepentingan latihan praktik juga disokong oleh 'Carnegie Task Force' (1986) dan 'Holmes Group Report' (1986) sebagai langkah paling berkesan di dalam persediaan perguruan.

Mac Donald (1993) dan para penyelidik lain yang mengkaji masalah tekanan guru pelatih (Campbell-Evans & Maloney, 1995; Capel, 1997; D'Rozario & Wong, 1996; Elkerton, 1984; Morton, Vesco, Williams & Awender, 1997) mendapati walaupun guru pelatih sangat bersetuju bahawa latihan praktik adalah perkara paling penting dalam program pendidikan guru, ramai yang melaporkan bahawa ia adalah satu pengalaman yang sangat menekankan.

Ini bersamaan dengan pendapat Briggs (1991) yang mengatakan salah satu penyesuaian yang perlu dilakukan semasa pembelajaran guru pelatih ialah penyesuaian sendiri iaitu

berkaitan dengan cara emosi guru pelatih bertindak balas dan apa yang diperolehi terhadap pengalaman pengajaran guru pelatih.

Mengikut perolehan kajian semasa terhadap tahap kebimbangan konsep sendiri di kalangan guru pelatih (TESL) boleh dikategorikan sebagai sederhana tinggi. Dapatan kajian mendapati kebanyakan guru pelatih mengalami kebimbangan konsep sendiri pada tahap sederhana tinggi terutama berkaitan dengan penilaian yang dibuat oleh penyelia latihan praktik mereka.

Morton et al. (1997), menegaskan betapa perlunya untuk menukar fungsi penyelia dan guru pembimbing di universiti dari hanya 'memberi arahan' kepada konsep yang lebih 'berkerjasama' bagi membantu guru pelatih mengatasi masalah kebimbangan terutama berkaitan dengan penilaian. Ini bertepatan dengan dapatan kajian semasa dimana guru pelatih merasakan bahawa mereka menghadapi tekanan dengan penilaian yang akan dibuat oleh penyelia semasa menjalani latihan praktik mereka. Jika penyelia lebih 'berkerjasama' dengan guru pelatih, mungkin tekanan kebimbangan mereka akan berkurangan.

Kajian semasa melaporkan bahawa guru pelatih (TESL) sentiasa berada dibawah tekanan. Ini bertepatan dengan pernyataan MacDonald (1993) dan para penyelidik lain berkaitan stres yang dialami guru pelatih (Campbell-Evans & Maloney, 1995; Capel, 1997; D'Rozario & Wong, 1996; Elkerton, 1984; Morton, Vesco, Williams & Awender, 1997) dimana mereka menyatakan bahawa walaupun guru pelatih mangakui latihan

praktik sebagai pengalaman berharga dan sebahagian penting daripada program pendidikan guru, mereka juga mendakwa ia sebagai satu situasi yang sangat menekankan. Tekanan ini boleh mengakibatkan gangguan yang menjejaskan keberkesanan pengajaran dimana sekaligus memberi kesan kepada pencapaian pelajar dan meningkatkan tahap kebimbangan. Elkerton (1984) berpendapat para penyelidik perlu mengenalpasti punca tekanan berkaitan dengan latihan pengurusan dan membantu guru pelatih mengendali tekanan tersebut dengan lebih baik.

Kebanyakan guru pelatih mengakui semester latihan praktik adalah semester yang paling penting dalam program pendidikan mereka. Walau bagaimanapun beban kerja dan kebimbangan yang berlebihan pada semester ini akan mengakibatkan tekanan yang tinggi (Enz, 1997; Schwebel et al., 1992). Tekanan yang sederhana boleh membantu guru pelatih untuk merasa penambahan tenaga, tetapi tekanan yang berlebihan boleh membahayakan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya menghasilkan masalah fizikal (Justice, 1998; Swick, 1989). Tekanan berterusan boleh menyebabkan 'burnout' dan menjadikan guru buntu, keletihan secara emosi dan berkeinginan meninggalkan profesion perguruan (Gold, 1985; Parkay & Stanford, 1998). Menyediakan guru pelatih dengan skil pengurusan tekanan boleh membantu mereka mengatasi masalah beban kerja dan kebimbangan yang tinggi terutama pada semester tersebut (Meichenbaum, 1985; Schelske & Romano, 1994).

Kajian oleh Clement (1999) yang mengandungi 20 pernyataan menggunakan skala Likert mempunyai 3 pernyataan berkaitan dengan tekanan seperti "Semester latihan praktik

adalah semester paling stress di dalam program pendidikan guru” dan 13 pernyataan berkaitan dengan ‘penyebab stress spesifik’ dan ‘bagaimana mengatasi masalah pengurusan kelas dan disiplin’. Daripada dapatan kajian ini didapati guru pelatih memberi jawapan yang tinggi terhadap tekanan yang dihadapi pada semester latihan praktik. Pada skala 1 hingga 10, dimana 10 memberi persetujuan penuh terhadap pernyataan tersebut, pernyataan “semester latihan praktik adalah semester paling stres didalam program pendidikan guru’, mean 7.63 dihasilkan.

Mengikut kajian Murray-Harvey, Silins dan Saebel (1999), separuh dari guru pelatih di Singapura mengalami kebimbangan 25 kali dari 29 kali latihan praktik, manakala guru pelatih di Australia mengalami kebimbangan 22 kali dari 29 kali latihan praktik mereka.

Ini jelas memberi gambaran bahawa latihan praktik menyebabkan tekanan yang tinggi dan sekali gus mengakibatkan kebimbangan konsep sendiri guru pelatih seperti keputusan kajian semasa dimana guru pelatih merasa resah bekerja dalam bilik darjah yang besar atau terlalu ramai setiap hari dan guru pelatih merasa runsing samada boleh atau tidak mengawal kritikan daripada pelajar semasa latihan praktik menyebabkan konsep sendiri mereka berada di tahap rendah.

Pekrun (1992), Bandura (1991) dan Eysenck (1979), berpendapat jika pelajar melihat situasi pembelajaran sebagai mengancam, ia akan memberi kesan buruk terhadap pembelajaran. Individu yang mengalami kebimbangan yang tinggi akan mengakibatkan pembahagian antara tumpuan dan pemerhatian dan menyebabkan pembelajaran

terganggu. Dalam erti kata lain, apabila guru pelatih sentiasa diganggu kebimbangan di situasi pengajaran, mereka tidak dapat memberi tumpuan dengan sepenuhnya. Guru pelatih yang mengalami kebimbangan yang tinggi tidak dapat memberi reaksi yang berkesan atau secara automatic kerana tumpuan dialih kearah task yang kurang memberi sebarang erti di sebabkan oleh perasaan bimbang yang tinggi.

Pengalaman yang mendatangkan tekanan semasa latihan mengajar telah dilaporkan dalam banyak penyelidikan dan pengkaji membuktikan ia bukanlah phenomema berasingan. Demi untuk memanfaatkan kebaikan latihan praktik untuk guru pelatih dan para pendidik, masalah yang telah diutarakan oleh guru pelatih semasa pengalaman mengajar mereka perlu diatasi dengan apa cara sekalipun termasuk mencari jalan penyelesaian terbaik mengawal konsep sendiri guru pelatih pada tahap rendah. Jika guru pelatih tidak dapat berfungsi dengan baik mereka mungkin mempunyai masalah menyuarakan perasaan mereka kerana merasa tertekan dan ini tidak akan dapat memperbaiki pengajaran mereka. Maka penyelia dan guru pembimbing yang lebih berpengalaman perlulah membantu mereka menghadapi tekanan tersebut agar mereka dapat memberi yang terbaik semasa mengajar dan menaikkan tahap sendiri mereka.

Dari segi kebimbangan latihan praktik secara keseluruhannya, didapati bahawa skor min sebelum tahun 2000 ialah 1.94 dan selepas tahun 2002 ialah 2.09 (jadual 4.62). Ini bermakna, pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih terhadap kebimbangan latihan praktik secara keseluruhan ($t = 0.96$; $p = 0.34$) sebelum dan selepas tahun 2000.

5.4 Bahagian Ketiga

5.4.1 Perbincangan Berhubung Dengan Analisis Hubungan Antara Faktor-Faktor Kebimbangan Latihan Praktik.

Hasil kajian mendapati bahawa hubungan antara faktor kebimbangan iaitu pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa, persekitaran sekolah/staf dan konsep sendiri adalah negative dan signifikan pada $p = 0.01$. Ini bermakna bahawa hubungan antara faktor-faktor kebimbangan ini adalah songsang, iaitu jika salah satu faktor kebimbangan mendapat skor yang tinggi, maka skor faktor kebimbangan yang dibandingkan adalah rendah.

Dari segi susunan kekuatan hubungan korelasi antara faktor pengurusan kelas dengan persediaan mengajar, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa, persekitaran sekolah/staf dan konsep sendiri adalah tinggi dengan nilai skor korelasi antara 0.62 hingga 0.74 dan signifikan pada aras 0.01 (jadual 4.63)

Dari segi susunan kekuatan hubungan korelasi antara faktor persediaan mengajar dengan pengurusan kelas, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa, persekitaran sekolah/staf dan konsep sendiri juga adalah tinggi dengan nilai skor korelasi antara 0.62 hingga 0.77 dan signifikan pada aras 0.01.

Kekuatan hubungan korelasi juga adalah tinggi antara faktor kepakaran mengajar dengan pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran bahasa dan konsep sendiri dengan nilai skor korelasi antara 0.62 hingga 0.77 dan signifikan pada aras 0.01. Sementara

hubungan antara kepakaran mengajar dengan persekitaran sekolah/staf pula adalah sederhana iaitu 0.54 dan signifikan pada aras 0.01.

Dari segi susunan kekuatan hubungan korelasi antara faktor kepakaran bahasa dengan pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran mengajar dan konsep sendiri adalah tinggi dengan nilai skor korelasi antara 0.62 hingga 0.74. Manakala hubungan antara kepakaran bahasa dengan persekitaran sekolah/staf pula adalah sederhana iaitu 0.57. Kesemua nilai korelasi adalah signifikan pada aras 0.01.

Kekuatan hubungan korelasi juga adalah tinggi antara faktor persekitaran sekolah/staf dengan pengurusan kelas, persediaan mengajar dan konsep sendiri dengan nilai skor korelasi antara 0.64 hingga 0.71. Sementara kekuatan perhubungan antara persekitaran sekolah/staf dengan kepakaran mengajar dan kepakaran bahasa pula adalah sederhana iaitu 0.54 hingga 0.57 dan semua nilai adalah signifikan pada aras 0.01.

Kekuatan perhubungan antara konsep sendiri dengan pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa dan persekitaran sekolah/staf juga tinggi dengan nilai korelasi antara 0.62 hingga 0.76 dan signifikan pada aras 0.01

5.5 Cadangan

Cadangan-cadangan yang akan diutarakan dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian utama berikut:

- i. Cadangan kepada pihak pengurusan untuk meningkatkan program.
- ii. Cadangan untuk kajian akan datang.

5.5.1 Cadangan kepada pihak pengurusan untuk meningkatkan program.

Berdasarkan kepada hasil analisis kajian, maka beberapa perkara perlu dicadangkan untuk memperbaiki tahap pencapaian program Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan TESL di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai. Cadangan berikut dikemukakan bagi mengurangkan serta mengatasi masalah kebimbangan dikalangan guru pelatih TESL sewaktu menjalani latihan praktik di sekolah.

1. Pihak pengurusan Fakulti Pendidikan perlu menjalankan satu kajian penilaian secara terperinci untuk menilai keberkesanan program latihan perguruan khususnya latihan praktik yang telah dijalankan. Proses penilaian ini harus memberikan penumpuan dalam aspek kos latihan dan tahap komitmen guru pelatih yang mengikuti program latihan berkenaan. Di samping itu, aspek kandungan latihan praktik harus dinilai kesesuaiannya dengan kehendak guru pelatih tersebut.
2. Pihak pengurusan perlu menjalankan proses penilaian berterusan terhadap kurikulum latihan praktik TESL. Penilaian harus memberi penumpuan terhadap aspek keberkesanan program latihan yang disediakan dan sejauh mana guru pelatih berupaya mengambil langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah kebimbangan di kalangan guru pelatih.

3. Pihak pengurusan perlu menyediakan satu sistem saluran cadangan yang sistematik dan jelas bagi guru pelatih membuat cadangan yang bernas berhubung masalah yang dihadapi sebelum dan selepas latihan praktik. Cara sistem saluran cadangan ini berfungsi perlu memberikan penerangan kepada guru pelatih secara jelas dan telus. Melalui saluran ini guru pelatih digalakkan menyumbangkan cadangan atau idea untuk memperbaiki sistem latihan praktik yang sedia ada.
4. Pihak pengurusan perlu mewujudkan satu sistem rangkaian dengan universiti atau Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Melalui konsep rangkaian ini, guru pelatih boleh berkongsi dan mencari satu penyelesaian bersama. Di bawah konsep rangkaian ini, semua masalah perlu dikongsi bersama dan dilihat sebagai masalah bersama.
5. Satu hubungan kordinasi yang rapat perlu diwujudkan antara IPTA yang lain. Masalah latihan praktik yang dihadapi perlu dibincang dan penyelesaian dicari bersama. Sesi pertemuan perlu diadakan antara tenaga pengajar mengikut bidang masing-masing. Kekerapan ini bergantung kepada kehendak keadaan semasa.
6. Tempoh latihan praktik perlu dipanjangkan supaya guru pelatih berpeluang untuk terus menilai kelemahan diri dan cuba untuk memperbaikinya. Dalam masa yang sama ia boleh mengembalikan keyakinan pihak sekolah dan meningkatkan reputasi diri guru pelatih.
7. Kaedah pengajaran latihan mikro yang dijalankan, bengkel-bengkel persediaan mengajar dan kursus-kursus yang disediakan sebagai persediaan kepada guru pelatih perlu diperkemaskan dan dimantapkan dengan modul yang lebih berkesan, terkini dan berdaya saing dengan perkembangan IT terkini. Kursus-kursus

pendek seperti kursus kepimpinan, kursus peningkatan diri, kursus motivasi kerjaya harus diterapkan samada di dalam kurikulum atau secara bersendirian. Dengan ini, ianya diharap dapat mendedahkan pengetahuan dan mengembangkan kerjaya pendidikan mereka supaya lebih bersikap kreatif, inovatif dan produktif dalam menyediakan persediaan latihan praktik mereka.

8. Kajian lanjutan boleh dijalankan dengan melibatkan guru pelatih yang telah menjalani latihan praktik ini untuk bertanya secara terus apakah sebenarnya pada pendapat mereka tindakan yang perlu diambil oleh pihak pengurusan untuk memantapkan kurikulum atau kursus TESL secara amnya dan diri guru pelatih secara khasnya. Permantapan merangkumi aspek silibus kursus, bengkel-bengkel, latihan amali, teori, modul dan sebagainya. Ini kerana guru pelatih lebih mengetahui bagaimanakah kekurangan diri mereka selepas menjalani latihan praktik itu dapat diatasi.

5.5.2 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Daripada kajian yang telah dijalankan beberapa cadangan dikemukakan. Tempoh penyelidikan yang singkat menyebabkan penyelidikan ini masih mempunyai banyak kekosongan dan ruang yang boleh diperbaiki lagi. Oleh itu adalah dicadangkan bahawa kajian lanjutan terhadap kebimbangan di kalangan guru pelatih diteruskan pada masa akan datang. Kajian ini adalah untuk kepentingan bersama antara guru, sekolah dan universiti demi kesedaran dan tanggungjawab mereka bagi meningkatkan mutu pendidikan negara.

Beberapa cadangan di kemukakan bagi mempertingkatkan penyelidikan seumpama ini:

- a. Bilangan responden perlu ditambah supaya mendapat hasil kajian yang lebih tepat.
- b. Skop kajian harus diperluaskan. Ini bermakna penglibatan sampel dari bidang lain selain dari bidang pendidikan TESL perlu dilaksanakan untuk mendapat hasil kajian yang menyeluruh.
- c. Faktor lain yang harus diberi tekanan termasuk beban tekanan kerja dan kebebasan dalam pergaulan guru pelatih ketika disekolah.
- d. Memperluas pernyataan dalam setiap aspek soal selidik bagi mendapat kebimbangan dan kebolehpercayaan yang lebih jitu lagi.
- e. Menambah tatacara penyelidikan dengan menggunakan kaedah temuduga dan wawancara disamping soal selidik yang diberikan.

5.6 Implikasi Kajian

Program latihan praktik adalah penting dalam kurikulum latihan perguruan berlandaskan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Guru dan matlamat Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Selaras dengan itu, adalah menjadi misi latihan praktik di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia untuk menjadikan ia satu program yang dapat melahirkan guru yang kreatif dan kritis disamping meningkatkan kualiti guru pelatih yang menjalani latihan praktik tersebut.

Kajian ini merupakan kajian kedua terhadap kumpulan guru pelatih (TESL) UTM, Skudai. Daripada kajian pertama penyelidik, beberapa perubahan telah dibuat keatas

kurikulum Pendidikan TESL, UTM untuk meningkatkan daya ketahanan diri dan daya saing dikalangan guru pelatih. 1). Tindakan pertama yang telah dijalankan ialah pindaan terhadap jangka masa latihan praktik itu sendiri. Sebelum tahun 2002 guru pelatih dikehendaki mengikuti latihan praktik sebanyak dua kali dalam pecahan 6 minggu. Kini mereka hanya perlu melakukannya sekali dalam masa 12 minggu. 2). Gred lulus atau penilaian latihan praktik juga telah diambil kira dimana gred lulus terdahulu ialah C+, tetapi selepas tahun 2002 gred lulus latihan praktik telah di naikkan kepada B+. 3). Kod lama latihan praktik ialah SPA 2000 dan SPA 3000 dimana guru pelatih hanya perlu Hadir Lulus (HL). Pindaan telah dibuat dan Kod baru latihan praktik ialah SPA 2001 dan SPA 3008 dimana guru pelatih harus Hadir Wajib (HW). 4). Bagi program 4 tahun, Latihan Praktik I dan II adalah 3 Kredit Hadir Wajib (HW) SPA 2013- Latihan Praktik I dan Spa 3013 – Latihan Praktik II. Manakala bagi program 5 tahun, Latihan Praktik adalah 4 Kredit (SPA 3014 – Latihan Praktik I dan SPA 4014 – Latihan Praktik II).

Penilaian berterusan terhadap kurikulum TESL terutama latihan praktik telah dan masih dijalankan secara berterusan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama Jabatan Bahasa Moden untuk memantapkan lagi program tersebut. Ini kerana masalah kebimbangan dan tekanan dalam bidang pendidikan atau latihan praktik tidak harus dipandang mudah oleh semua pihak. Ramai guru dan guru pelatih tidak mempunyai pengalaman dan persediaan yang mencukupi untuk menghadapi bidang profesion perguruan yang semakin mencabar menyebabkan banyak kejadian yang tidak diingini berlaku dan tindakan meninggalkan profesion perguruan apabila tekanan atau kebimbangan tidak dapat diatasi.

Sebagai contoh, hasil kajian terkini Kesatuan Perkhidmatan Pengurusan Kebangsaan Malaysia (NUTP) yang dijalankan oleh Yim Ping pada 2005 melibatkan 9,328 responden mendapati salah satu faktor yang menyumbang kepada tekanan guru ialah kedudukan sekolah dan kemudahan infrastruktur kerana mengikut kebanyakan guru pada masa ini mereka terpaksa mengurus lebih daripada apa yang sepatutnya mereka uruskan. Ini berpunca daripada kerja di dalam masa panjang dan melampaui tugas hakiki mereka. Antara beberapa cadangan yang diberikan oleh NUTP untuk mengurangkan tekanan ini termasuk menyediakan alat bantuan mengajar bagi mengurangkan beban tugas guru oleh pihak kementerian atau sekolah dan juga mengurangkan kerja-kerja perkeranian yang dibebankan keatas guru-guru masa ini.

Jika dapatan dari kajian ini di ambil kira oleh semua pihak samada yang terlibat secara langsung atau tidak dan mereka berusaha untuk mengatasi masalah guru dan guru pelatih, maka tahap kebimbangan dan tekanan guru boleh dikurangkan daripada terus meningkat kerana dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keseluruhannya guru pelatih TESL mengalami kebimbangan pada tahap sederhana tinggi.

5.7 Penutup

Kejayaan seseorang guru meliputi aspek pendidikan dan guru yang bermotivasi tinggi. Kunci untuk mencapai kejayaan ini ialah dengan meningkatkan tahap kurikulum di IPTA. Pengurusan IPTA harus menyemak dan menilai program TESL mereka dari semasa ke semasa dan memberi sebanyak mungkin penekanan kepada pengambilan pelajar yang

betul-betul berminat di dalam program pendidikan bagi memastikan hanya pelajar yang berkelayakan dan berminat sahaja terlibat dengan program ini untuk mengelakkan dan mengurangkan kebimbangan dan tekanan yang pasti akan dihadapi jika kerjaya yang diceburi kurang diminati. Terdapat juga ramai guru yang mempunyai kelayakan perguruan tetapi tidak mempunyai pengalaman latihan praktik yang mencukupi atau persediaan yang tidak bersesuaian di dalam bidang yang harus di ajar oleh mereka kerana mempunyai pengalaman mengajar yang terhad dan tidak banyak di beri pendedahan pengalaman mengajar yang sebenar di dalam bidang mereka.

Pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan guru pelatih tidak kira samada pihak pengurusan atau pensyarah sendiri harus membantu meningkatkan pengalaman ini samada dengan memberi contoh-contoh dalam bentuk visual, menerapkan pengalaman ini di dalam pembelajaran di dalam kuliah mereka dengan meningkatkan teknologi maklumat dan komunikasi terkini dan memberi pengalaman mengajar sebenar di dalam kuliah. Ini kerana bakal-bakal guru ini mempunyai kelayakan dalam pendidikan tetapi kekurangan latihan, di tambah pula dengan persekitaran yang kurang kondusif untuk mengekalkan mereka di dalam profesion ini. Usaha berterusan dari pihak-pihak ini diharap akan mengatasi masalah guru jika tidak untuk jangka masa pendek tetapi di dalam jangka masa panjang yang lebih membawa kebaikan kepada semua.

RUJUKAN

Abdul Raof D. & Subahan T. Mohd Meerah (1991). *Isu-Isu Latihan Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Askin J.C. & Imwold, C.H. (1994). *The Existence of Conflicting Perceptions in a Secondary Physical Education Student Teaching Experience*. *Physical Educator*, 51 (1), p.35.

Awang Had Salleh (1979). *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka, KPM (cetakan pertama).

Bailey, K.M. (1983). *Competitiveness and Anxiety in Adult Second Language Learning: Looking At And Through The Diary Studies*. In Seliger, H.W & Long M.H. (Eds), *Classroom-Oriented Research in Second Language Acquisition*. Rowley, MA: Newbury Jpise, p. 67-102.

Bandura, A. (1991). *Self-Efficacy Conception of Anxiety*. In Schwrzer R. & Wicklund R.A. (Eds), *Anxiety and Self-Focused Attention*. London: Harwood Academic Publishers, p. 89-110.

Black-Branch, J.L., & Lamont, W.K. (1998). *Duty of Care And Teacher Wellness: A Rationale For Providing Support Services in Colleges of Education*. *Journal of Collective Negotiations*, 27, p. 175-193.

Briggs, L.D. (1991). *Comparing Supervising Teacher Ratings and Student Teacher Self-Ratings of Secondary Student Teaching*. *College Student Journal*, 25, p. 280-288.

Bring, L.D., & Richardson, W.D. (1992). *Causes And Sources of Student Concerns For Student Teaching Problems*. *College Student Journal*, p. 268-272.

Brophy, J. (1999). *Perspectives of Classroom Management: Yesterday, Today, Tomorrow*. In Freiberg H.J. (Ed), *Beyond Behaviorism*. Needham Heights, MA: Allyn And Bacon.

Campbell-Evans, G., and Maloney, C. (1995). *Trying To Make A Difference: Re-Thinking The Practicum*. Paper presented at the annual conference of the Australian Association for Research in Education, Hobart, Australia, 26-30 November 1995.

Capel, S.A. (1997). *Changes in Students' Anxiety And Concerns After Their First And Second Teaching Practices*. *Educational Research*, 39, p.211-228.

Carnegie Task Force on Teaching As A Profession (1986). *A Nation Prepared Teachers For The 21st Century*. New York: Carnegie Forum on Education and Economy.

- Chambers, G. & Roper, T. (2000). *Why Students Withdraw From Initial Teacher Training*. Journal of Education for Teaching, Abingdon, April 2000, Issue 1, p. 25.
- Clement, M. (1999). *Reducing The Stress of Teacher Training*. Contemporary Education, 70 (4), p. 20.
- Cobb, V.L., Darling-Hammond, L., & Murangi, K. (1995). *Teacher Preparation and Professional Development in APEC Members: An Overview of Policy And Practice*. (<http://langue.hyper.chubu.ac.jp/jalt/pub/tlt/96/dec/reflection.html>.)
- Conant, J.B. (1963). *The Education of America Teachers*. New York: McGraw-Hill.
- Darling-Hammond, L. (1997). *The Right To Learn*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Department of Education and Science (1988). *The New Teacher in School: A Survey by Her Majesty's Inspectors in England and Wales 1987* (London, HMSO).
- Doebler, L.K., & Roberson, T.G. (1987). *A Study Of Common Problems Experienced By Secondary Student Teachers*, Education. 107 (3). p. 268-272.
- Doebler, L.k., & Roberson, T.G. (1989). *Problems Of Secondary Student Teachers As Perceived By Cooperating Teachers And High School Students: A Follow-Up Study*. Education, 109 (4). p. 497-503.
- D'Rozario, V., & Wong, A.F.L. (1996). *A Study Of Practicum-Related Stresses In A Sample Of First Year Student Teachers In Singapore*. Paper presented at the annual conference of the Singapore Educational Research Association and Australian Association for Research in Education, Singapore, 25-29 November 1996.
- Elkerton, C.A. (1984). *An Investigation Of Stress Experienced By Beginning Teachers During Practice Teaching*. South African Journal of Education, 4. p. 97-102.
- Enz, B., ed. (1997). *Teacher's Toolbox: A Primer For Professionals*. Dubuque, IA: Kendall/Hunt Publishing.
- Eysenck, M.K. (1979). *Anxiety, Learning And Memory: A Reconceptualization*. Journal of Research In Personality, 13, p. 363-385.
- Fenden, P.D. (1994). *About Instruction: Powerful New Strategies Worth Knowing*. Educational Horizons. p. 18-24.
- Fontana, D., & Abouserie, R. (1993). *Stress Levels, Gender And Personality Factors In Teachers*. British Journal of Educational Psychology, 63, p.261-270.
- Freiberg, H.J. (2002). *Essential Skills For New Teachers*. Educational Leadership. 59 (6). p. 56.

- Fuller, F. (1969). *Concerns Of Teachers: A Developmental Conceptualization*. American Educational Research Journal, 6. p. 207-226.
- Gold, Y. (1985). *Does Teacher Burnout Begin With Student Teaching?* Education, 105 (3). p. 254-257.
- Hart, N.L. (1987). *Student Teacher's Anxieties: Four Measured Factors and Their Relationship To Pupil Disruption In Class*. Educational Research, 29. p. 12-18.
- Hilgard and Atkinson, R.L. (1983). *Introduction to Psychology*. San Diego, California: Harcourt Brace Jovanovich.
- Holmes Group Report (1986). *Tomorrow's Teachers*. A Report of the Holmes Group. East Lansing, MI: The Holmes Group.
- Ibrahim S. (1981). *Pendidikan Dan Politik Di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka: KPM. Cetakan Pertama.
- Jerome, F. (2002). *Essential Skills For New Teachers*. Educational Leadership. 59 (6).p. 56.
- Jones, M. (2000). *Becoming A Secondary Teacher In Germany: A Trainee Perspective on Recent Developments In Initial Teacher Training In Germany*. European Journal Of Teacher Education, 23 (1). p.25. (<http://proquest.umi.com/>)
- Justice, L.A. (1998). *Beat Stress*. Boca Raton, Florida: Globe Communications.
- Koba, O. & Wilkinson (2000). *Using The Community Language Learning Approach To Cope With Language Anxiety*. The Internet TESL Journal, VI (11).
- Kozol, J. (1991). *Savage Inequalities*. New York: Crown.
- Lamb, C. (1995). *Got The Burnout Blues?* Learning. October/November, p.21-25.
- Locke, C.R. (1979). *Problems Of Secondary School Teachers*. The Teacher Educator, 13. p. 30-40.
- MacDonald, C. (1993). *Coping With Stress During The Teaching Practicum: The Student Teacher's Perspective*. The Alberta Journal of Educational Research, 39. p.407-418.
- Mahan, J.M. (1984). *A Comparison Of Concerns Of Secondary And Elementary Student Teachers*. New York: McGraw-Hill.
- McCroskey, J.C. (1977). *Oral Communication Apprehension: A Summary of Recent Theory And Research*. Human Communication Research, 4. p. 78-96.

- Meichenbaum, D. (1985). *Stress Inoculation Training*. Boston: Allyn and Bacon.
- Meret, F. & Whendall, K. (1993). *How Do Teachers Learn To Manage Classroom Behaviour? A Study Of Teachers' Opinions*. *Educational Studies*, 19 (1). p.91.
- Morton, L., Vesco, R., Williams, N., Awender, M. (1997). *Student Teacher Anxieties Related To Class Management, Pedagogy, Evaluation And Staff Relations*. *British Journal Of Educational Psychology*, 67. p.69-89.
- Murray-Harvey, R., Silins, H., & Saebel, J. (1999). *A Cross-Cultural Comparison Of Student Concerns In The Teaching Practicum*.
<http://www.ed.sturt.flinders.edu.au/icj/ARTICLES/vlnl/harvey/BEGIN.html>
- Oxford, R.L. & Ehrman, M.E. (1993). *Second Language Research On Individual Differences*. In W. Grabe (Ed), *Annual Review of Applied Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press, p. 188-205.
- Paese, P.C. (1984). *Student Teaching For Supervision: Where We are And Where We Should Be*. *The Physical Educator*, 41 (2), p. 90-94.
- Parkay, F., & Stanford, B.H. (1998). *Becoming A Teacher*. 4th ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Pigge, F.L., & Marso, R.N. (1987). *Relationships Between Student Characteristics And Changes In Attitudes, Concerns, Anxieties And Confidence About Teaching During Teacher Preparation*. *Journal of Educational Research*, 18 (2). p. 109-115.
- Richard, W.D., & Briggs, L.D. (1983). *Personal Characteristics Of Secondary Student Teachers*. *The Clearing House*, 57. p. 28-29.
- Roberson, T.G., & Doeblen, L.K. (1989). *Problems of Secondary Student Teachers As Perceived By Cooperating Teachers And High School Students: A Follow-Up Study*. *Education*, 109 (4). p. 497-503.
- Ryan, K. (1986). *The Induction Of New Teachers*. Fastback Of Phi Delta Kappa. Educational Foundation, No 237.
- Schelske, W.E. (2000). *New Trends In Language Education For Hispanic Students*. ERIC/CUE Digest Number 155.
<http://webnfl.epnet.com/fulltext.aspASP=KPOOJBFBCCAACDMELFKHLDJC?result>
- Schwebel, A.L., Schwebel, B.L., Schwebel, C.R. Schwebel, M. (1992). *The Student Teacher's Handbook*, 2nd ed. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum and Associates.

Scovel, T. (1991). *The Effect Of Affect On Foreign Language Learning: A Review Of The Anxiety Research* in E.K. Horwitz and D.J. Young, *Language Anxiety*, 101-108. Englewood Clifford, N.J.: Prentice Hall.

Smith, B.P. (2000). *Emerging Themes In Problems Experienced By Student Teachers*. *College Student Journal*, 34 (1). p.633.

Suradi S. (1996). *Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Swick, K.J. (1989). *Stress And Teaching*. Washington, D.C: National Education Association.

Thompson, M.L. (1983). *Identifying Anxieties Experienced By Student Teachers*. *Journal Of Teacher Education*, 14. p. 435-439.

Vaughn, S., Bos, C., & Schumm, J. (1997). *Teaching Mainstreamed, Diverse, And At Risk Students In The General Education Classroom*. Boston: Allyn & Bacon.

Wan Zarina W.Z, Azizah R. & Zanariah M.S. (2002). *Tinjauan Tahap Keresahan Di Kalangan Guru Pelatih Terhadap Latihan Mengajar Di Sekolah*. Pusat Pengurusan Penyelidikan: Universiti Teknologi Malaysia.

Young, D.J. (1991). *Creating A Low-Anxiety Classroom Environment: What Does The Anxiety Research Suggest?* *Modern Language Journal*, 75. p. 426-439.

Zeidner, M. (1998). *The Relative Severity Of Common Classroom Management Strategies: The Student's Perspective*. *British Journal of Education Psychology*, 58. p.67-68.

SURATKABAR

“Tekanan Tugas Jadikan Murid Sebagai Mangsa”. *Kosmo*, Selasa 28 Mac 2006: 4.

LAMPIRAN

Bahagian : Keputusan Ujian Korelasi Dan Kebolehpercayaan

Jadual 1: Analisis Skor Korelasi Dan Kebolehpercayaan Setiap Item
Di Faktor Pengurusan Kelas

Item	Statement	Pekali korelasi	
		Sebelum diperbaiki	Selepas diperbaiki
B1	My concern when I do my practical teaching is..... on how to give each student attention needs without neglecting others	0.2668	0.3151
B4	class control	-0.1001	delete
B8	handling problematic students	0.2119	0.2783
B9	completing lesson plans as required	-0.2552	delete
B14	handling incidents of misbehaviour in class	0.6456	0.7096
B18	controlling the noise level in class	0.4250	0.4976
B24	on how to handle rebellious students	0.7432	0.8046
B33	meeting the needs of different kinds of students	0.7225	0.7452
B35	how to handle less proficient students	0.0632	delete
B37	diagnosing student learning problems	0.6907	0.6322
B39	able to challenge unmotivated students	0.7123	0.6580
B44	maintaining the appropriate degree of class control	0.6580	0.6793
B45	whether student is getting what needs	0.3997	0.3769
	Nilai Alpha keseluruhan	0.7852	0.8583

Jadual 2: Analisis Skor Korelasi Dan Kebolehpercayaan Setiap Item
Di Faktor Persediaan Mengajar

Item	Statement	Pekali korelasi	
		Sebelum diperbaiki	Selepas diperbaiki
B3	My concern when I do my practical teaching is..... setting work/ activities at the right level for the students	0.0612	delete
B16	whether or not I have covered the topic or material adequately	0.5469	0.5728
B20	selecting suitable lesson content	0.2626	0.1726
B25	maintaining a good enough standard of preparation	0.5685	0.6139
B31	if I lack instructional materials	0.2580	0.3088
B50	whether or not my schemes of work are adequate	0.3202	0.3052
	Nilai Alpha keseluruhan	0.5897	0.6207

Jadual 3: Analisis Skor Korelasi Dan Kebolehpercayaan Setiap Item
Di Faktor Kepakaran Mengajar

Item	Statement	Pekali korelasi	
		Sebelum diperbaiki	Selepas diperbaiki
B2	My concern when I do my practical teaching is..... being observed by my teaching practice supervisor while I am teaching	-0.0169	delete
B5	whether or not my performance is satisfactory from the point of view of the class teacher	0.3191	0.3207
B6	on how the teaching practice goes from my supervisor's point of view	0.3099	0.3631
B13	the expectations of my teaching practice supervisor	0.6414	0.6719
B15	how the teaching practice supervisor may react to more unsuccessful lessons if they should occur	0.6452	0.5982
B21	maintaining a smooth and interesting enough approach	0.5218	0.4641
B27	getting all the paperwork done in time	0.4561	0.4855
B28	what lessons the teaching practice supervisor comes in to see	0.4353	0.4385
B32	doing well when a supervisor is observing me	0.2189	0.2488
B38	feeling adequate as a teacher	0.5241	0.5718
B41	being accepted and respected by my supervisor	0.4687	0.5071
B46	getting a favourable evaluation of my teaching	0.0378	delete
B48	guiding students towards intellectual and emotional growth	0.0413	delete
	Nilai Alpha keseluruhan	0.7185	0.7833

Jadual 4: Analisis Skor Korelasi Dan Kebolehpercayaan Setiap Item
Di Faktor Kepakaran Bahasa

Item	Statement	Pekali korelasi	
		Sebelum diperbaiki	Selepas diperbaiki
B10	My concern when I do my practical teaching is..... whether or not I am able to answer questions when asked by students	0.7003	0.7003
B11	being fluent in the language that I am teaching	0.6500	0.6500
B17	making grammatical mistakes when teaching	0.7532	0.7532
B22	when students are able to spot the mistakes that I may have made	0.8483	0.8483
B29	when the students seem to be more proficient than I am	0.7623	0.7623
B34	whether I am proficient enough to teach English	0.2787	0.2787
B43	teaching students who seemed to be very proficient in English	0.8800	0.8800
	Nilai Alpha keseluruhan	0.8908	0.8908

Jadual 5: Analisis Skor Korelasi Dan Kebolehpercayaan Setiap Item
Di Faktor Persekitaran Sekolah atau Staf

Item	Statement My concern when I do my practical teaching is.....	Pekali korelasi	
		Sebelum diperbaiki	Selepas diperbaiki
B7	whether or not the school staff will be helpful to me	0.1458	0.1458
B12	getting along with the school staff	0.6607	0.6607
B19	how a member of the school staff may react to one or more unsuccessful lessons if they should occur	0.6793	0.6793
B23	whether or not I can give full cooperation to the school staff	0.5803	0.5803
B36	having too many other school duties	0.6471	0.6471
B40	being accepted and respected by my colleagues	0.7168	0.7168
B47	with the routine and inflexibility of the teaching situation	0.7277	0.7277
	Nilai Alpha keseluruhan	0.8346	0.8346

Jadual 6: Analisis Skor Korelasi Dan Kebolehpercayaan Setiap Item
Di Faktor Konsep Kendiri

Item	Statement My concern when I do my practical teaching is.....	Pekali korelasi	
		Sebelum diperbaiki	Selepas diperbaiki
B30	feeling under pressure much of the time	0.4720	0.4720
B26	with assessment made by the teaching practice supervisor	0.3374	0.3374
B42	working with large classes/too many students each day	0.4291	0.4291
B49	whether or not I am able to handle criticisms from students	0.3633	0.3633
	Nilai Alpha keseluruhan	0.6175	0.6175